# Pelita Brunei

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

TAHUN 24 BILANGAN 27 — RABU 4HB JULAI, 1979. — رابو 8 شعبان 1399 — PERCHUMA




Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan menganugerahkan Piala Kejohanan kapada johan qari, Awang Haji Damit bin Haji Kawang.

## RAAYAT DI-SERU MEMANDANG KEHADAPAN DENGAN FIKIRAN WARAS

BANDAR SERI BEGAWAN — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan, Sir Muda Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah menyeru raayat dan pendudok negeri ini terutama pegawai2 kerajaan supaya akan sentiasa memandang ka-hadapan dengan fikiran waras dan sedar akan tanggong-jawab masing2 terhadap masa depan negeri ini.

Supaya dengan itu titah Baginda, Negeri Brunei yang akan di-warithi oleh keturunan2 yang akan datang akan berada dalam keadaan aman tenteram, makmor dan penoh dengan kejayaan2 yang di-redhai oleh Allah s.w.t.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah bertitah demikian di-Majlis Penyampaian Hadiah Pertandingan Membacha Al-Kor-'an Perengkat Sa-Negeri yang telah di-sempurnakan di-sini pada malam Jumaat, 29hb Jun yang lalu.

Baginda Yang Dipertuan selanjut-nya menitahkan bahawa keselamatan dan kebahagiaan di-negeri ini ada-lah suatu kewajipan yang mustahak dan menjadi tanggong-jawab kita untok mengator serta memperkukohkan-nya dengan sadaya upaya.

Untok mengator dan memperkukohkan-nya itu, titah Baginda lagi tidak-lah dapat di-jalankan dengan sempurna-nya melainkan kita berusaha bersunggoh-sunggoh dengan berpandukan kapada hukum2 Allah s.w.t.

"Yakni Ugama Islam, yang mana Ugama Rasmi Negeri Brunei ia-lah Ugama Islam menurut ahli sunnah wal-jemaah, dengan itu mudah2an dengan izin Allah kita akan dapat meneruskan usaha2 pada membangun dan membisaikan lagi negeri kita Brunei Darussalam ini", titah Baginda.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia juga mensifatkan pertandingan membacha Kor'an sa-umpama itu sa-bagai suatu kerasmian hidup di-negeri ini dan Baginda berharap ia-nya akan di-teruskan pada menunjokkan orang2 Islam di-negeri ini mempunyai chara hidup yang tersendiri bagi menghidupkan shi'ar Islam dengan mengadakan usaha2 kebajikan dan tolong-menolong.

"Tolong-menolong atau kerjasama kebajikan ada-lah suatu rukun hidup dalam masharakat yang di-suroh oleh Ugama Islam, kerana itu-lah kemajuan atau kemundoran sa-suatu bangsa dari sejak dahulu lagi di-ukor dari semangat tolong-menolong serta kerjasama", titah Baginda.

Baginda Yang Dipertuan sa-terus-nya melahirkan keyakinan bahawa dengan semangat demikian dan perasaan iman dan takwa di-antara anggota2 masharakat Islam, maka negara Islam menjadi kuat dan dapat mempertahankan diri dari sa-barang gangguan yang sentiasa berusaha untok menjatohkan umat Islam dan Ugama Islam.

Lihat muka 20

## DYMM berangkat mengistiharkan Tender penggalian TENAGA

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei pada hari Selasa minggu lalu telah berangkat ka-Champion Field, yang terletak 20 batu di-luar pantai Brunei untok mengistiharkan nama Tender penggalian Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad yang baru TENAGA.

Baginda Yang Dipertuan berangkat ka-tempat itu dari lapanganterbang antarabangsa dengan menaiki pesawat helikopter dan keberangkatan Baginda telah di-sambut oleh Pengarah Urusan Shell, Awang Peter Everett.

Sa-belum Kebawah Duli Yang Maha Mulia mengistiharkan nama ka-atas Tender tersebut, Awang Everett telah menyampaikan uchapan rengkas.

Dalam uchapan-nya, Awang Everett mensifatkan pengistiharan TENAGA telah di-lakukan disatu masa yang penoh bererti kerana tahun 1979 ia-lah genap 50 tahun telaga minyak Brunei mengeluarkan hasil-nya dan penchapaian2 penting perindusterian minyak Brunei yang termasok kilang gas chechair asli LNG di-Lumut, Daerah Belait, yang maseh merupakan kilang jenis tersebut yang terbesar di-dunia.

Beliau juga menyentoh mengenai kerjasama erat antara Kerajaan Kebawah DYMM dengan Sharikat Minyak Shell yang mana sharikat tersebut telah melaksanakan titah seruan Duli Yang Maha Mulia Baginda Yang Dipertuan semasa merasmikan kilang LNG dalam tahun 1973,

Lihat muka 20

## Bakal2 guru mula berkursus

BANDAR SERI BEGAWAN — Sa-ramai 193 orang bakal guru telah memulakan kursus perguruan sa-lama tiga tahun di-Maktab Perguruan Sultan Hassanal Bolkiah di-Gadong minggu ini.

Sa-ramai 160 orang dari jumlah itu akan mengikuti kursus dalam aliran Inggeris dan yang lain-nya dalam aliran Melayu.

Sementara itu, Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan di-Batu Satu, Jalan Tutong juga telah menerima pelajar2 baru-nya mulai minggu ini. Sa-ramai 42 orang bakal guru ugama akan mengikuti kursus perguruan sa-lama tiga tahun di-maktab tersebut.



KEBAWAH DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei menarek tirai sa-bagai menandakan pengistiharan Tender TENAGA. — Gambar ehsan SMSBB.

## M.B. LETAK BATU ASAS RUMAH SAKIT RAJA ISTERI ANAK SALEHA

BANDAR SERI BEWAWAN. — Menteri Besar, Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pengiran Abdul Momin bin Pengiran Haji Ismail dengan rasmi-nya pada pagi Khamis, 28hb Jun lepas telah meletakkan batu asas Rumah Sakit Raja Isteri Anak Saleha yang baru yang terletak di-Kampong Kiulap, Jalan Tutong.

Di-upachara meletakkan batu asas itu YAB Menteri Besar bersabda, dalam perlaksanaan sa-buah rumah sakit sa-umpama itu bukan sahaja ia-nya menelan belanja yang besar malah ia lebeh banyak melibatkan kehidupan sosio-ekonomi di-kalangan beberapa pehak.

Ini sabda Yang Amat Berhormat itu lagi, terutama-nya melibatkan tuan2 punya tanah yang tanah2 mereka terpaksa di-ambil oleh kerajaan dan terpaksa berpindah demi melaksanakan ranchangan demikian.

Kapada mereka yang terlibat itu, Yang Amat Berhormat Menteri Besar menguchapkan terima kaseh atas kesudian mereka termasok-lah tanah yang di-punyai oleh DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan DYTM Paduka Seri Begawan Sultan yang telah mengorniakan tanah2 di-kawasan berkenaan demi faedah raayat dan pendudok negeri ini.

Lihat muka 20

# MARUAH DAN PENILAIAN-NYA

Pelita Brunei
DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU
AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

4HB JULAI, 1979

SAMBUTAN Isra' dan Me'raj pada tahun ini lebeh mengetengahkan soal2 maruah selaku manusia, terutama sekali manusia yang menganut Islam sa-bagai ugama-nya — ugama yang juga antara-nya mementingkan soal2 maruah itu.

Hidup manusia tanpa maruah tidak akan di-darjatkan sa-bagai manusia, malah di-perkatakan manusia yang tidak bermaruah itu sa-bagai umpama haiwan. Bila manusia yang tidak bermaruah itu di-umpamakan sa-bagai haiwan, maka sukar-lah bagi-nya hendak menyatukan diri-nya dengan manusia2 yang lain, kechuali yang tidak tahu akan latar-belakang-nya itu.

Isra' dan Me'raj pada tahun ini ada-lah banyak memberikan gambaran2 tentang apa-kah dan bagai-mana-kah yang di-katakan "tidak bermaruah" itu. Ini dapat memberikan jawapan terhadap sa-tengah2 keraguan dalam mengketegorikan bagaimana-kah yang di-katakan manusia yang tidak bermaruah itu. Antara yang dapat di-petik ia-lah bahawa maruah sa-seorang itu boleh di-lemahkan, malah menjadikan-nya tidak bermaruah langsong walau hanya dalam be-berapa ketika. Maruah itu boleh luput dari dalam diri sa-seorang apabila ia di-sogokkan dengan sa-suatu yang boleh menjadikan-nya khayal baik dalam segi mata-benda mahu pun rohani. Rohani yang lemah boleh saja di-rasoki oleh gejala2 yang kurang sehat yang menyebabkan nilai maruah sa-seorang itu boleh saja luntor. Rohani yang lemah juga akan mudah rapit dengan berbagai kejahatan dan perasangka ter-utama-nya yang burok dan mengaibkan. Bila sudah perasangka yang demikian bertapak dalam diri sa-seorang itu, maka tindakan2-nya ada-lah lebeh banyak menjatohkan, memusnahkan, memburok2kan daripada membela kebenaran, malah kebenaran itu di-anggap-nya hanya ada pada pehak-nya, sedangkan yang se-benar-nya dia-lah orang yang tidak benar. Kalau mahu membela kebenaran dan mengketengahkan apa saja yang benar itu, maka perlu-lah di-sertakan fakta2 dan bokti2-nya dan jangan di-tinggalkan dari bersaksi, mempastikan yang ujud dan menimbang-terima-nya dengan tenang lalu baru-lah bertindak — neschaya Allah tetap bersama2 orang yang benar, dan tindakan kita di-atas kebenaran itu akan mendapat berkat dari-pada-Nya jua.

Sambutan Isra' Me'raj tahun ini dengan thema "sentiasa menjaga maruah" itu sudah tentu bertujuan untok memberi peringatan kapada umat Islam Brunei supaya tidak akan rapit dan di-rapitkan dengan sa-suatu yang menchemarkan maruah diri dan ugama Islam. Ada-lah perlu menyertakan diri kita dengan rasa insaf dan sedar terhadap usaha2 dan langkah2 ka-arah memelihara maruah kita dengan mempertahan-kan tabi'at mementingkan apa yang di-halalkan untok kita demi atas nama maruah kita selaku orang2 Islam.

"Meletakkan diri sendiri terdedah kapada per-buatan2 yang tidak bermaruah ada-lah suatu kezalim-an. Dan, lebeh zalim serta lebeh tidak bermaruah lagi kalau mendedahkan orang lain kapada perkara2 yang memalukan. Sebab itu-lah ajaran Ugama Islam kita menganjorkan supaya sa-tiap orang sentiasa me-naroh anggapan baik di-antara satu sama lain serta sentiasa pula memelihara anggapan baik orang lain terhadap diri kita", demikian Penasehat Umom Ke-bawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan, Yang Teramat Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Awang Isa mengingatkan umat Islam di-Brunei di-sambutan Isra' Me'raj Perengkat Negeri yang berlangsong di-Dewan Raya RTB dalam minggu lepas.

# Peraduan Senilukis dan Pertukangan tangan

BANDAR SERI BEGAWAN.—Hampir 400 buah hasil kerja-tangan dan lu-kisan dari murid2 dan pe-nuntut2 sekolah2 rendah, persediaan Inggeris dan menengah serta maktab2 seluroh negeri telah di-pamerkan dalam Peraduan Seni-lukis dan Pertukang-an-tangan kali yang ke-empat belas.

Pameran yang di-adakan di-Balai Pameran Dewan Bahasa dan Pustaka itu telah di-rasmikan oleh Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Laila Wangsa Dato Paduka Awang Mohd Salleh bin Haji Masri, Ke-tua Pegawai Penerangan pada hari Sabtu 30hb Jun yang baru lalu.

Pameran tersebut yang di-anjorkan oleh Bahagian Latehan Kesenian, Jabatan Pelajaran ada-lah merupa-kan salah satu achara bagi menyambut Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Bagin-da Sultan dan Yang Di-pertuan Negeri Brunei yang ke-33 tahun.

Dalam pameran lukisan dan kerja-tangan bahagian sekolah2 menengah dan maktab2 tempat pertama telah di-sandang oleh Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin (Men. Atas), kedua di-menangi oleh Maktab Anthony Abell, Seria dan ketiga jatoh ka-pada SMM. Ahmad Ta-juddin, Kuala Belait.

Bagi sekolah2 menengah bawah pula, johan jatoh kapada Sekolah Inggeris Berakas, tempat kedua SMM. Bendahara Sakam Bunut dan tempat ketiga SMM. SMJA dan SMM. Muda Hashim, Tutong.

Sekolah Persediaan Ing-geris Daerah Tutong telah munchol sa-bagai johan bagi sekolah2 persediaan Inggeris dan naib johan ia-lah SPI Daerah Brunei-Muara dan Temburong dan tempat ketiga SPI Daerah Belait.

Manakala dalam baha-gian sekolah2 rendah Me-layu, tempat pertama telah di-menangi oleh Sekolah2 Rendah Melayu Daerah Brunei III, tempat kedua Sekolah2 Rendah Melayu Daerah Tutong II dan tem-pat ketiga Sekolah2 Ren-dah Melayu Daerah Brunei II.

Sementara itu penyam-paian hadiah2 bagi Per-tandingan Melukis Poster Sempena Hari Kesihatan Kanak-Kanak Sa-Dunia juga telah di-adakan yang di-bahagikan kapada tiga kumpolan.

Dalam Kumpolan A un-tok kanak-kanak berumor tujoh dan lapan tahun, tempat pertama di-menangi oleh Dayang Ching Thing Khiong dari Sekolah Mene-ngah Chung Hwa, Bandar Seri Begawan.

Sementara dalam Kum-polan B untok kanak-kanak berumor sembilan hingga 10 tahun, hadiah pertama di-menangi oleh Dayang Norsinah bte Abd. Rahman dari SPI Amar Pahlawan, kedua di-me-nangi oleh Yang Tau Seng dari Sekolah Menengah Chung Hwa, Bandar Seri Begawan.

Kumpolan C untok kanak-kanak berumor 11 hingga 13 tahun, pertama di-menangi oleh Voon Pih Ha dari Sekolah Menengah Chung Hwa, Bandar Seri Begawan; kedua Dayang Rosita bte Mohd Saidi dari SM. OKSB Kilanas dan ketiga Lau Mee Ling dari Sekolah Menengah Chung Hwa, Bandar Seri Bega-wan.

Pemenang2 hadiah da-lam tiap2 kumpolan mene-rima wang tunai $250.00 bagi hadiah pertama, $200.00 bagi hadiah kedua dan $150 bagi hadiah ke-tiga.

Hadiah2 telah di-sampai-kan oleh isteri Yang Di-muliakan Pehin Orang Kaya Laila Wangsa Dato Paduka Awang Mohd Sal-leh bin Haji Masri.

Pameran tersebut ada-lah terbuka kapada orang ramai sa-hingga 7hb Julai dari jam 8.30 pagi hingga 8.30 malam.



YDM Pehin Orang Kaya Laila Wangsa Dato Paduka Awang Mohd Salleh ketika menyaksikan pameran.

# Harga barang2 keperluan

SAPERTI biasa di-bawah ini di-chatetkan beberapa jenis barang2 keperluan sa-hari2 yang di-dapati di-jual dengan harga yang lebeh sederhana rendah di-kedai2 Bandar Seri Begawan, Kuala Belait dan Seria. Ada-lah di-ingatkan kapada orang ramai bahawa harga barang2 yang berikut di-bawah ini bermula bagi minggu 28hb Jun, 1979.

**BANDAR SERI BEGAWAN :**

1. MINYAK MAKAN (Chap Bunga 24 kati) — $32.00 sa-tin boleh di-beli dari kedai2 berikut:—
   a) Hong Guan (Koon Kee), No. 10, Jalan McArthur.
   b) Chop Hock Huat, No. 62, Jalan McArthur.
2. KACHANG MERAH — $1.50 sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut:—
   a) Lam Seng, No. 3, Jalan McArthur.
   b) Chop Aik Thye, No. 25, Jalan Sultan.
3. BAWANG PUTEH — $3.40 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut:—
   Chop Hock Huat, No. 62, Jalan McArthur.

**KUALA BELAIT :**

1. MINYAK MAKAN (Chap Bunga 24 kati) — $34.00 sa-tin boleh di-beli dari kedai berikut:—
   Eng Soon Seng, No. 58, Jalan Pretty.
2. KACHANG MERAH — $1.60 sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut:—
   a) Choo Seng, No. 3, Jalan Pretty.
   b) Ng Ming Hong, No. 101, Jalan McKerron,
3. BAWANG PUTEH — $4.00 sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut : —
   a) Chop Lian Ho, No. 24, Jalan Pretty.
   b) S. S. Sa'adiah, No. 9, Bangunan Hotel Sentosa.
   c) Yun Seng Supermarket, No. 84, Jalan Bunga Raya.

**SERIA :**

1. MINYAK MAKAN (Chap Bunga 24 kati) — $35.00 sa-tin boleh di-beli dari kedai berikut:—
   Chin Siong Hin, No. 3, Jalan Sultan Omar Ali.
2. KACHANG MERAH — $1.50 sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut:—
   a) Chin Siong Hin, No. 3, Jalan Sultan Omar Ali.
   b) Sim Fatt Hin, No. 74, Jalan Bunga Kenanga,
3. BAWANG PUTEH — $3.60 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut:—
   Yick Fatt, No. 36, Jalan Sultan Omar Ali.

# Jadual lawatan Perpustakaan Bergerak bagi 9hb. hingga 12hb. Julai, 1979

| TEMPAT PERSINGGAHAN | TARIKH | HARI | MASA | |
|---|---|---|---|---|
| Sekolah Inggeris Berakas (Bhg. Rendah) | 9.7.1979 | Isnin | 2.00– 3.00 | petang |
| Berhadapan Kedai, Kampong Perpindahan | 9.7.1979 | Isnin | 3.30– 4.30 | ,, |
| Sekolah Melayu Orang Kaya Besar Imas, Subok | 10.7.1979 | Selasa | 8.30– 9.30 | pagi |
| Sekolah Melayu Datu Mahawangsa, Lambak | 10.7.1979 | Selasa | 10.30–11.30 | ,, |
| Sekolah Melayu Dato Gandi | 11.7.1979 | Rabu | 8.30– 9.00 | ,, |
| Sekolah Melayu Serasa | 11.7.1979 | Rabu | 10.00–10.30 | ,, |
| Sekolah Melayu Mentiri | 11.7.1979 | Rabu | 10.45–11.15 | ,, |
| Sekolah Melayu Sultan Abdul Bubin, Sungai Besar | 11.7.1979 | Rabu | 11.30–12.00 | T/Hari |
| Kawasan Rumah Ketua Kampong, Serasa | 12.7.1979 | Khamis | 3.15– 4.15 | petang |
| Kawasan Rumah Ketua Kampong Masjid Lama, Muara | 12.7.1979 | Khamis | 4.30– 5.30 | ,, |

# WI anjorkan Peraduan Kanak2 Sehat

TUTONG.— Pertubohan Per-kumpolan Perempuan Brunei, WI chawangan Tutong akan menganjorkan satu peraduan kanak2 sehat sempena sam-butan Hari Keputeraan Ke-bawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei di-Daerah Tutong pada 20hb ini.

Borang2 penyertaan boleh di-perolehi dari Kelinik Dae-rah Tutong dan hendak-lah di-kembalikan tidak lewat dari 12hb ini.

Sementara itu, Persatuan Pertiwi akan menganjorkan satu pameran urusan rumah-tangga juga sempena Hari Ke-puteraan Baginda Sultan di-Daerah Brunei-Muara.

Pameran tersebut akan di-langsongkan di-Pusat Belia di-Bandar Seri Begawan pada 20hb ini.

Antara achara-nya termasok masak2an dan hasil kerajinan-tangan.

# HAJI AWG DAMIT, HAJJAH MASNI KOR'AN READING CHAMPS.

BANDAR SERI BEGAWAN. — His Highness the Sultan Sir Muda Hassanal Bolkiah Muizzaddin Waddaulah presented prizes to the winners and other participants in the State Koran Reading Championships at a ceremony held last Friday night at the padang here.

In the men's section, the first prize went to Awang Haji Damit bin Hj Kawang, while the second and third places were won respectively by last year's champion, Awang Mohammad Yusof bin Abu Bakar and Awg Johari bin Pehin Penyurat Haji Omar, all from the Brunei Muara District.

In the women's section Dayang Hajjah Masni binte Haji Abdi Manaf from the Tutong District emerged champion, while the second and third prizes went respectively to Dayang Hajjah Siti Ara binte Haji Idris who was last year's champion, and Dayangku Saadiah binte Pengiran Hj Tuah, both from the Brunei Muara District.

The prizes for the best district went to the Brunei Muara District.

Awang Haji Damit and Dayang Hajjah Masni will represent Brunei at the International Koran Reading Championships to be held in Kuala Lumpur next month.

A total of twelve readers from the four districts took part in the championships which were held for two nights and declared open by the Speaker of the State Legislative Council, Yang Amat Mulia Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar.

The prize giving ceremony was preceeded by a lantern procession, nashid presentations by the Fire Brigade Nashid Team and the Perangkab Association (Women) Nashid Team, a special talk by a senior officer of the Religious Affairs Department, Awang Hj Abdul Aziz bin Haji Juned, and speeches by the Acting State Religious Affairs Officer, Awg Haji Yahya bin Haji Ibrahim and His Highness the Sultan.

Among those present at the ceremony were Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan, Sir Muda Omar Ali Saifuddin Saadul Khairi Waddin; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohammed Bolkiah; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah; the Yang Teramat Berhormat General Adviser to His Highness the Sultan, Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama, Awang Isa; the Mentri Besar, Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pengiran Abdul Momin; Yang Teramat Mulia Seri Paduka Pengiran Pemancha; the State Secretary, Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz; Yang Amat Mulia Pengiran Cheterias, Pehins and senior government officials.

## Royal wedding on July 12

BANDAR SERI BEGAWAN. — The traditional Gendang Jaga-Jaga, a ceremony of beating the drums, was officially started at three venues last Saturday in preparation for the royal wedding on July 12 of His Highness the Sultan's sister, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Amal Nasibah and Yang Mulia Pengiran Kamarulzaman bin Yang Amat Mulia Pengiran Pekerma Setia Diraja Sahibol Bandar Pengiran Haji Ali.

The three venues were the Lapau, the Balai Persantapan Diraja and at the residence of the bridegroom at Kampong Mabohai here.



Awang Haji Suhaili bin Haji Bakar, who became Kuntau champion for the second year running in the Brunei-Muara District Silat and Kuntau Competition, receives the challenge shield from Yang Amat Mulia Pengiran Setia Jaya Pengiran Haji Abdul Momin bin Pengiran Othman. In the background wearing white cap is the District Officer, Awang Haji Mohd Salleh bin Haji Hidup.

Awang Haji Mohammad Yassin bin Haji Ahmad was the winner in the Silat section.

A total of five men in the Kuntau section and sixteen men in the Silat section took part in the competition which was organised as part of the programme to celebrate His Highness the Sultan's birthday this month.

Awang Haji Suhaili and Awang Haji Mohd Yassin will now match skills with other exponents of the Malay art of self-defence in the State finals to be held this month at the compound of the Istana Darul Hana.

## Uniforms designing contest

BANDAR SERI BEGAWAN. —The Religious Affairs Department is organising a competition to design uniforms for Moslem women in the public eye.

The competition is in conjunction with celebrations to mark the Muslim calendar year of 1400 and is open to all Muslims in the State.

It is divided into three sections namely, general costumes; uniforms for policewomen, customs officers, airline stewardesses; and radio and television newsreaders and programme presenters.

Further details about the competition and entry forms are available from the Secretary of the Organising Committee at the Welfare, Youth and Sports Department here.

All entries should be submitted not later than September 15.

## Fight against German measles starts

BANDAR SERI BEGAWAN. — The Medical and Health Department has added another activity in its immunisation programmes in conjunction with the International Year of the Child.

It is a protection against German Measles which is a virus often mistaken for measles and sometimes missed as just another allergic rash.

The Department said the danger of the disease is that if a pregnant woman in the early months gets an attack of German Measles, the unborn baby may be affected and will be born with some deformity.

It pointed out that as the incidence of German Measles is increasing in Brunei, immunisation has been introduced for the first time for girls who are twelve years old this year.

The Department added that this will be routine in future and that the injection of German Measles (Rubella) vaccine gives life-long immunity.



THE Mentri Besar, Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara Pengiran Abdul Momin exchanging momentos with Mr. Edward Jamilly of Messrs Alister MacDonald and Partners during a foundation stone laying ceremony officiated by the Mentri Besar at the site of the new hospital complex at Kampong Kiulap in Jalan Tutong last Thursday.

The multi-million dollar complex, designed by Messrs. Alister MacDonald and Partners, is being built on a seventy-acre site and, when completed in three years time, will accommodate five hundred beds as well as outpatients, X-ray, pathology, accident and emergency sections and administrative offices.

It will also have a school of nursing, nurses hostel, sports amenities, a jetty with moorings for thirty boats and a helicopter pad.

In the middle is the Director of Medical Services, Pehin Orang Kaya Laila Tabib Diraja Dato Paduka Seri Laila Jasa, Dr. P. I. Franks.

## TENDER TENAGA

BANDAR SERI BEGAWAN. — His Highness the Sultan Sir Muda Hassanal Bolkiah Muizzaddin Waddaulah last week unveiled a plaque on which was written the name of the Brunei Shell Petroleum Company's new drilling tender.

The commissioning of the TENAGA as the tender is now known took place at a ceremony in the Champion field last Tuesday.

It marked an important year in the history of the State as it coincided with the fiftieth anniversary of the drilling of Brunei's first oil well.

His Highness who flew by helicopter for the ceremony was welcomed on arrival by the Managing Director of Brunei Shell, Mr Peter Everett and other senior BSP officials.

After the unveilling ceremony, His Highness was taken on a tour of the tender which was built in Singapore at a cost of eight and a half million dollars.

It is a barge-type to provide power and servicing to fixed offshore drilling platforms.

Also present at the ceremony were the British High Commissioner, Mr Arthur Watson; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan, Sir Muda Omar Ali Saifuddin Saadul Khairi Waddin; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohammed Bolkiah; the Yang Teramat Berhormat General Adviser to His Highness the Sultan, Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Awang Isa; the Mentri Besar, Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pengiran Abdul Momin, the State Secretary, Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Hj Abdul Aziz; and other senior government officials.

## Hadrah contest

MUARA. — The Kilanas Preparatory English School emerged champion when it beat nine other schools in the Hadrah competition held at the SUAS Malay School here last week.

The competition, organised by the Education Department for preparatory English schools, was also part of the programme to celebrate His Highness the Sultan's thirty-third birthday this year.

## Annual sports

TUTONG. — The Sixth Form Centre won the overall championship in the annual inter-athletics meeting for secondary schools and colleges throughout the State held last week at the Muda Hashim Secondary School sports arena here.

The meet was officially declared open by the Controller of Customs and Excise, Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibon Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz.

More than three hundred students, some of them girls, competed in the various field and track events.

## 839 to go on Haj

BANDAR SERI BEGAWAN. — A total of eight hundred and thirty-nine people have registered to go on the pilgrimage to Mecca this year.

The Religious Affairs Department announcing this said the pilgrims, who will be given courses on how to perform the Haj, will be leaving in groups with the first batch scheduled to depart in late September or early October.

Last year, five hundred and twenty-five people including a number of children performed the Haj.

## Women recruits wanted

JALAN MUARA. — The Royal Brunei Police is seeking a number of young women for entry to the Force as Constables.

Successful applicants will undergo a six-month period of recruit training at the Police Training Centre here in early September.

Applicants must be Subjects of His Highness the Sultan, unmarried between the ages of 18 and 28, at least 5' in height and be physically fit. The minimum requirement for entry to the Force is Standard VI Malay or English.

The starting salary of a recruit is $325.00 a month plus $100.00 allowance. On completion of training basic salary and allowance arises to $525.00.

Applicants should attend for interview by the Recruiting Officer at the following:

Bandar Seri Begawan Police Station — on Monday 9th July and also on Tuesday 10th July at 8.00 am and 1.30 pm.

Tutong Police Station — on Wednesday 11th July at 8.00 am and 1.30 pm.

Seria Police Station — on Saturday 14th July at 8.30 am and 1.30 pm.

Kuala Belait Police Station — on Tuesday 17th July at 8.30 am and 1.30 pm.

Bangar Police Station — on Wednesday 18th July at 9.00 am and 1.30 pm.

## Military exercise

BANDAR SERI BEGAWAN. — The Royal Brunei Malay Regiment's Special Boat Squadron is currently carrying out a military exercise at the Ulu Sungai Medit area in the Belait District.

The exercise started last Monday and is expected to end in about twelve days' time.

Members of the public are asked to keep away from the area as the exercise involves live firing.

# BERNEGARA DENGAN PETUNJOK ALLAH

*BERIKUT di-muatkan petikan sharahan khas Awang Haji Abdul Aziz bin Juned, Pegawai Ugama Kanan, Jabatan Hal Ehwal Ugama Brunei di-majlis penutop Pertandingan Membacha Al-Kor'an Perengkat Sa-Negeri 1979 pada malam Jumaat, 29hb Jun, 1979 yang baru lalu — Pengarang.*



Awang Haji Abd Aziz Juned.

BERNEGARA dengan petunjok Allah bukan-lah sebutan atau propaganda kosong, tetapi suatu chita2, suatu konsep yang di-asaskan atas lunas2 Al-Kor'an dan Hadith Rasulullah s.a.w. Bernegara dengan petunjok Allah ada-lah suatu tuntutan, suatu fardhu yang tidak boleh tidak mesti di-fikirkan, di-ranchang dan di-laksanakan oleh sa-tiap orang Islam. Berfirman Allah Subhanahu Wata'ala, yang maksud-nya:

"Allah telah menjanjikan kapada orang2 yang beriman dan beramal saleh di-antara kamu bahawa mereka itu akan di-beri warithan kekuasaan di-muka bumi, sa-bagaimana yang telah di-berikan kapada orang2 sa-belum mereka, dan akan di-perkukohkan kedudokan Ugama mereka yang di-redhai Allah, dan akan menukar (keadaan) mereka dari ketakutan kapada aman sentosa. Mereka itu menyembah Aku, tidak mempersekutukan Aku dengan yang lain. (Ingat-lah) barang-siapa yang engkar sa-sudah itu, mereka ada-lah orang2 yang jahat." Yakni tafsiran-nya: Pemberian atau kornia yang berupa kekuasaan tadi akan di-tarek kembali, manakala mereka engkar durhaka sa-sudah mereka itu beriman.

Kemudian Hadith Rasulullah s.a.w. pula menegaskan erti-nya: "Di-atas kamu terpikul kewajipan mengikut jalanku dan jalan khalifah2 yang mendapat petunjok sa-sudah aku."

Ayat dan Hadith di-atas ini memberi gambaran, bahawa Daulah atau Negara itu ada-lah termasok di-antara janji Allah Subahanahu Wata'ala untok di-berikan kapada hamba2-Nya yang beriman dan beramal Saleh. Dan satu2-nya tanda yang jelas, bahawa negara itu telah benar2 tegak dan berdiri di-atas keredhaan Allah, ia-itu apabila kita dapati di-dalam negara itu, semua orang ada-lah bebas dari ketakutan, aman tenteram, damai dan sejahtera. Dalam erti kata, negara yang gelisah, negara yang sentiasa di-kejar2 oleh ketakutan, baik ketakutan yang datang-nya dari luar, atau dari dalam, ada-lah alamat di-dalam negara itu ada sekeru yang salah pasang, ada dosa, ada maksiat, ada durhaka, ada penyelewengan terhadap hukom2 Allah Subahanahu Wata'ala. Ini-lah puncha benchana, puncha malapetaka, ia datang mungkin tidak sa-kali gus atau sakelip mata, tetapi beransoransor ibarat penyakit kenser atau ibarat binatang2 anai2, sedikit demi sedikit menyerang dan akhir-nya memusnahkan mangsa-nya. Berfirman Allah Subahanahu Wata'ala.

Erti-nya: "Dan tiada-lah Tuhan engkau membinasakan pendudok sabuah negeri itu, sa-belum mengutus sa-seorang Rasul di-pusat negeri tersebut, yang membachakan kapada mereka keterangan2 Kami (Allah). Dan tiada-lah Kami membinasakan pendudok sa-buah negeri, melainkan pendudok negeri itu telah melakukan kesalahan yakni dosa."

Berfirman lagi Allah dalam surat yang lain:

Erti-nya: "Dan apabila kami hendak membinasakan sa-buah negeri, Kami perentahkan kapada orang2 yang hidup mewah, lalu mereka melakukan fasik (kejahatan) di-dalam negeri tersebut, maka sudah sa-patut-nya-lah berlaku ka-atas mereka itu hukuman, lalu negeri itu pun Kami hanchorkan sa-hanchor2-nya."

Jangan ada orang salah anggapan dengan menyangka, bahawa Ugama Islam itu memusohi kemewahan atau benchi kapada dunia. Tidak! Ugama Islam, bahkan ada-lah menghendaki supaya dunia dan akhirat itu sama2 di-chari, sama2 di-ambil berat, sama2 di-tuntut. Berfirman Allah mengajar kita berdo'a di-dalam Al-Kor'an yang bermaksud:

"Wahai Tuhan kami, korniakan-lah kapada kami kebaikan di-akhirat dan kebaikan di-dunia dan selamatkan-lah kami daripada azab Neraka."

Allah menyebut "Hassanah" untok dunia (satu kebaikan untok dunia) dan "Hassanah" untok akhirat (satu kebaikan untok akhirat). Allah tidak menyebut "Hassanah" untok dunia, satu kebaikan untok dunia, dan "Hassanatain" dua kebaikan untok akhirat — tidak! Tetapi yang di-sebut, yang di-suroh kita memintanya ia-lah: Satu untok dunia dan satu untok akhirat.

Tetapi "Hassanah" atau kebaikan dunia yang hendak di-chapai dalam do'a ini, ia-lah Hassanah atau kebaikan yang di-perolehi dengan petunjok Allah. Sementara Hassanah atau kebaikan yang di-dapat dengan lain2 chara, lebeh2 lagi dengan jalan yang churang, ada-lah sama sekali batal dan tidak di-iktiraf oleh Allah s.w.t.

Sekali lagi di-tegaskan bahawa tujuan bernegara dengan petunjok Allah itu ia-lah hendak menchapai kebaikan di-dunia dan kebaikan di-akhirat dengan tidak berat sebelah. Ugama Islam tidak benchi kapada dunia, Ugama Islam tidak anti benda. Tetapi sunggoh pun begitu, Ugama Islam juga tidak menyuroh supaya manusia ini menjadi hamba kapada benda.

Sebab akibat-nya ada-lah burok, pertama boleh menutop pintu ka-akhirat bertemu dengan nikmat Allah yang lebeh besar. Dan kedua akan menyeret manusia sendiri kapada kehanchoran di-muka bumi, sa-bagai chontoh, mohon tuan2 renongkan, sejarah orang2 barat menaklok benda, sejarah orang2 barat menguasai benda.

Seluroh abad ke-19 ada-lah merupakan abad kebanggaan manusia, sahingga orang2 itu berani berkata: Bahawa apa jua yang ada ini telah dapat kita kuasai semua-nya. Mari kita puja ia, tidak mengapa kita jadi hamba kapada benda.

Tetapi sidang hadhirin, hal ini berakibat burok, jelas sekali, sa-belum pertengahan abad ke-20, dunia telah mengalami dua kali perang, tidak lain sa-mata2 kerana merebutkan benda, untok menguasai benda.

Dan pada akhir-nya, benda itu-lah sendiri yang mengetok kepala mereka, ia-itu bom atom dan bom haiderojin, dan baru-lah sa-sudah itu tumboh samula keinsafan dan penyesalan. Tetapi apakan daya, sesal dahulu pendapatan sesal kemudian tidak berguna. Nasi telah menjadi bubor.

Antara rukun atau asas bernegara dengan pertunjok Allah itu, ia-lah dengan mengamalkan sifat benar, jujor, setia dan ta'at dan amanah dan ingat akan Allah dalam semua lapangan perkerjaan dan tugas2 kita. Honesty is the best policy, 'benar itu ada-lah sa-baik2 polisi'. Lawan kapada: benar, setia dan amanah, ia-lah: bohong, durhaka dan khianat.

Sa-orang pembohong dan pengkhianat ada-lah saorang yang luar biasa berani dan luar biasa pula pengechut-nya. Dia berani melawan Allah dengan berterang-terangan, dan sangat pengechut apabila menghadapi sa-sama manusia.

Sifat benar, setia dan amanah ada-lah berpuncha dari hati, berpuncha dari niat. Dan Rasulullah s.a.w. telah memandu kita bagaimana hendak meluruskan niat. Segala2-nya itu kita mulai kerana Allah, dan kita menuju kapada-Nya jua.

## Wakil Battalion Kedua di-pileh

PEKAN TUTONG.—Dua orang peserta telah dipileh untok mewakili pasokan Battalion Kedua Askar Melayu Diraja Brunei ka-Pertandingan Membacha Kor'an Perengkat Keseluruhan Pasokan tersebut yang akan di-adakan minggu depan.

Mereka ia-lah Pegawai Waran Dua Awang Ismail bin Metarsad dan Sarjan Haji Seruddin bin Haji Mahmud.

Kedua-dua orang qari itu telah di-pileh dalam satu pertandingan membacha Kor'an yang telah di-adakan pada minggu lalu di-Perkhemahan Battalion Kedua di-sini.

Pertandingan perengkat keseluruhan itu akan di-langsongkan di-Muara pada 13hb Julai.

# HIDUP MENURUT SHARI'AT ALLAH




DI-SEBUTKAN dalam suatu riwayat, bahawa pada zaman Rasulullah s.a.w., ada dua orang telah bertelingkah mengenai suatu perkara. Masing2 mendakwa akan kebenaran-nya. Sa-orang daripada-nya ialah orang Islam dari kalangan orang2 Ansar sementara yang sa-orang lagi ialah orang Yahudi. Lalu untok menyelesaikan pertelingkahan itu mereka bersetuju pergi berhakimkan kapada sa-orang pendita Yahudi, kerana kedua-dua-nya yakin pendita itu akan membenarkan dakwaan masing2 dan memenangkan-nya.

Berikutan daripada kejadian itu, maka Allah s.w.t. telah mewahyukan kapada Rasullah s.a.w. dengan firman-Nya yang bererti: *"Tidak-kah engkau perhatikan orang2 yang mengaku diri-nya beriman kapada apa yang di-turunkan kapada engkau dan kapada apa yang di-turunkan terlebeh dahulu daripada engkau? Mereka mahu berhukum kapada berhala (yakni kapada hukum yang tidak menurut hukum2 Allah) padahal mereka telah di-perintahkan supaya menolak berhakimkan yang sa-demikian itu, sa-benarnya shaitan mahu terus menyesatkan sa-jauh2-nya".*

Yakni: Allah s.w.t. telah menchela kedua-dua orang itu kerana sunggoh pun masing2 mengaku beriman ia-itu orang Islam itu mengaku beriman kapada hukum2 Allah yang di-turunkan kapada Nabi Muhammad s.a.w.: orang Yahudi itu mengaku beriman kapada hukum2 Allah yang di-turunkan kapada Nabi Musa a.s. tetapi apabila mereka berseliseh atau bertelingkah mengenai suatu perkara masing2 enggan untok berhukum dengan hukum2 Allah sa-balek-nya terus mengikut hukum yang lain daripada hukum Allah dan berhakimkan hakim yang lain daripada hukum Allah dan berhakimkan hakim yang tidak akan memutuskan sa-suatu kes berdasarkan hukum2 Allah.

Dan menurut sa-tengah riwayat lagi, pada mula-nya orang Yahudi itu mengajak orang Islam tadi pergi mengadap Rasulullah s.a.w. untok mendapat penyelesaian kerana di-ketahui-nya Baginda itu tidak sama sa-kali akan mendzalimi-nya tetapi orang Islam itu pula enggan, sa-balek-nya ia mengajak orang Yahudi itu pergi kapada pendita yang lazim menjadi hakim kapada orang Yahudi. Lalu akhir-nya kedua-dua-nya pergi-lah menemui pendita itu. Kerana kedua-dua-nya perchaya pendita itu akan membenarkan dakwaan masing2 dan memenangkan hak-nya.

Menurut riwayat yang kedua itu, ternyata-lah ganjil dan aneh orang yang mengaku diri-nya Islam itu telah enggan menerima ajakan lawan-nya dalam pertelingkahan itu untok berhakim kapada Nabi Muhammad s.a.w. Dari sikap-nya itu sa-olah2 dia memang berada di-pehak yang salah lalu takut-lah ia untok di-hakimkan oleh Baginda kerana Baginda s.a.w. sedia di-ketahui ada-lah adil dalam memutuskan suatu kes berdasarkan hukum Allah dengan tidak membezakan ugama atau keturunan orang2 yang terlibat. Kerana itu-lah sikap orang Islam yang sa-demikian itu telah di-chela oleh Allah, bahkan dengan sikap-nya itu tidak-lah ia di-'iktiraf' oleh Allah sa-bagai orang yang benar2 Islam dan benar2 beriman, ia chuma sa-takat orang yang mengaku diri-nya Islam sahaja tetapi dia sa-benar-nya sa-orang munafik.

Begitu-lah hal-nya pada zaman Rasulullah s.a.w., terdapat orang2 atau pehak2 yang enggan berhakim dan berhukum kapada peraturan2 serta ketetapan hukum Allah. Mereka itu telah terasoh atau biasa dengan chara dan bentok kehakiman yang tidak berlandaskan hukum2 Allah, malah mereka itu sa-bagaimana di-sebutkan lagi oleh Allah di-dalam lanjutan wahyu yang di-turunkan tadi ada-lah tersangat benchi kapada Rasulullah s.a.w. lalu tidak-lah mereka sudi di-hakimkan oleh Baginda. Tetapi manakala ada sa-suatu muslihat baharu-lah mereka itu sudi datang dan meminta restukan-nya demi kepentingan niat baik dan kebenaran, ia-itu niat baik untok memperdaya lawan-nya dan kebenaran yang di-kira mereka dapat di-putar belitkan. Sa-sunggoh-nya Allah maha mengetahui akan isi hati mereka itu, dan Allah s.w.t. menegaskan bahawa orang2 yang sa-demikian itu, yang sudi berhukum dan berhakimkan hukum2 Allah hanya apabila ada benar2 suatu muslihat sahaja itu belum-lah dapat di-iktiraf sa-bagai orang yang beriman.

Untok mengubah chara dan asohan dan atau kebiasaan yang sudah di-lazimkan kapada suatu chara yang baharu ada-lah memang-nya sukar bahkan sulit di-lakukan dalam jangka waktu yang singkat sekalipun chara yang baharu itu-lah yang sa-benar-nya di-kehendaki oleh Allah demi kesejahteraan makhlok-Nya. Dan khusus-nya dalam perkara berhakim dan berhukum atau berkehakiman dan berkeadilan yang sudah di-lazimkan ada-lah sukar untok mengubah-nya sa-chara serta merta, sa-balek-nya ia memerlukan perubahan yang berperengkat-perengkat dan beransur2, ia-itu perubahan yang sa-rentak di-ikhtiarkan dengan mengubah chara dan sikap semua pehak orang ramai supaya berkesedaran serta berkeinsafan menerima perubahan itu.

Kerana itu-lah, dalam sempena kes sa-orang Islam dan sa-orang Yahudi itu tadi Allah s.w.t. sa-terus-nya telah memerintahkan Rasul-Nya Nabi Muhammad s.a.w. supaya memberi pengajaran yakni mendidek orang ramai supaya menyedari akan kebaikan2 hukum Allah dan mengajak mereka itu supaya berkeinsafan betapa dzalim-nya berhukum kapada hukum2 yang tidak berdasarkan hukum2 Allah. Dalam pada itu, Allah s.w.t. memperingatkan Baginda s.a.w. supaya jangan pula enggan membantah yakni melakukan pembaikan sikap dan kelaziman orang ramai dalam perkara berhukum sa-demikian itu supaya mereka tahu bahawa Allah tidak-lah akan meredhai mereka kalau mereka terus menerus enggan atau menolak hukum2 Allah.

Maka dalam kita menghasratkan untok berchara-hidupkan Islam ia-itu shari'at Allah sayugia-lah di-perhatikan panduan2 yang di-sarankan oleh Allah saperti yang di-sebutkan tadi. Tegas-nya: orang ramai mustahak di-didek dan di-asoh supaya beransor-ansor akan bersikap menerima perubahan dalam chara hidup keislaman termasok-lah dalam perkara kehakiman dan keadilan. Erti mengasoh dan mendidek itu termasok-lah memimpin mereka ka-arah chara hidup Islam itu dengan sentiasa menimbulkan suasana yang sesuai bagi chara hidup keislaman itu di-lazimkan sa-luas2-nya.

Dan di-pehak orang ramai pula sayugia-lah sentiasa bersedia untok di-asoh sa-demikian itu: dari itu semua pehak sayugia-lah akan berlapang dada manakala mithal-nya ada bantahan2 yang menegur sikap dan perbuatan yang berlawan dengan kehendak chara hidup Islam. Kerana kalau tidak ada pehak bersedia mengasoh kalau tidak ada pehak yang bersedia menerima asohan, kalau tidak ada pehak yang bersedia menimbulkan suasana yang sesuai dan kalau tidak ada pehak yang sanggup menegur dan membetulkan, serta tidak pula ada pehak yang sedia menerima tegoran-nya: maka tentu-lah semua kita akan terchela dan di-murkai Allah sa-bagai mendurong orang tidak menerima dan yakin untok berchara hidupkan chara yang di-shari'atkan Allah termasok-lah berkehakiman dan berkeadilan menurut hukum2 Allah.

# SA-SUATU LARANGAN ITU MEMPUNYAI HIKMAT YANG TERLINDONG

**Bingkisan minggu ini**

APA-KAH kita pernah mengembalikan ingatan kita sa-masa kanak2 lagi? Barangkali tentu-nya kita maseh lagi ingat serba sedikit tentang kesah hidup sa-masa berada di-alam kanak2 itu. Dan dalam masa itu kita tidak akan dapat lari dari di-marahi dan di-larang oleh kedua ibu-bapa atau penjaga kita. Itu salah dan ini pun salah, dan pendek-nya serba serbi di-larang. Pernah di-suatu ketika kita di-larang dari bermain pisau yang tajam, juga kita pernah di-larang dari bermain2 di-'ujong jungkar'. Tentu-nya pada ketika itu perasaan kita kurang senang dan sa-olah2 menyekat kebebasan kita untok berbuat apa2 yang di-ingini.

Tapi chuba kita fikirkan sekarang ini, dengan daya fikiran orang yang telah dewasa. Tentu-lah kita akan nampak jawapan2 kenapa kita di-larang dari bermain pisau yang tajam dan bermain di-'ujong jungkar' itu. Kita di-larang itu ada-lah untok kebaikan kita sendiri juga. Ia-itu untok mengelakan dari luka dan mengelakan dari terjatoh ataupun 'gugor' apabila bermain-main 'di-ujong jungkar'. Dengan itu kita pun mengakui tentang kebaikan larangan tersebut yang mana sa-masa kechil dulu kita anggap sa-bagai penyekat kebebasan. Dan dengan itu tidak mustahil pula kita akan mewarithi chara2 yang telah pun kita alami itu.

Dengan berpandukan apa2 yang telah di-perkatakan di-atas tadi dapat-lah kita mengatakan bahawa tiap2 larangan ataupun tegahan itu ada mempunyai hikmat kebaikan yang terselindong di-sebalek-nya. Ia ada-lah sa-mata2 untok kebaikan diri kita juga. Ini-lah satu chontoh tentang kebaikan larangan dan tegahan antara sa-sama manusia. Tetapi betapa hal-nya pula tentang larangan2 Allah s.w.t. kapada sekalian manusia? Memang-nya di-akui yang kita tidak boleh menyama-nyamakan larangan2 Allah dengan larangan2 manusia, tapi ini ada-lah bertujuan untok mendekatkan gambaran kita supaya senang di-tangkap akan maksud-nya.

Adapun tujuan Allah s.w.t. melarang manusia untok berbuat sa-suatu tegahan itu bukan-lah sa-mata2 untok menyusahkan dan menyekat kebebasan manusia, tetapi ada-lah untok kebaikan kita juga. Kalau kita patoh kapada larangan2 tersebut maka sudah tentu-lah kita akan menerima suatu pembalasan yang baik. Begitu juga sa-balek-nya; kalau kita melanggar akan larangan2 itu, kita akan menerima pembalasan sa-timpal dengan apa yang pernah kita lakukan itu. Akibat2 ini pula tidak-lah sa-mesti-nya akan di-terima sa-chara tunai, tetapi pembalasan2 tersebut akan di-terima di-suatu alam yang bernama akhirat. Dan mungkin juga pembalasan2 tersebut akan kita terima di-dunia ini tanpa kita sedari.

Menyentoh tentang larangan2 Allah ini, kita ambil saja satu chontoh yang paling mudah ia-itu meminum-minuman yang memabokkan. Kita telah pun awal2 di-beri tahu tentang larangan meminum minuman tersebut, tapi maseh jua ada yang melanggar-nya. Konon hendak memanaskan badan-lah, hendak menchari ketenangan fikiran-lah, itu-lah dan ini-lah. Tapi semua alasan2 ini ada-lah senghaja di-ada-adakan untok melakukan perkara2 tegahan ini. Chuba kita bayangkan saketika; apa-hal-nya kalau dalam keadaan mabok itu kita memandu kereta, kemudian kereta tersebut terbabas? Atau pun kita sendiri yang kena langgar ketika kita sedang terhuyong-hayang di-tengah2 jalan? Siapa-kah yang harus di-salahkan? Tentu-lah diri sendiri, sebab kita juga yang engkar, melanggar apa2 yang di-tegahkan itu. Dan ada-kah ini sa-bagai suatu kebanggaan bagi diri kita yang di-sanjong sa-lama in? Tentu-lah tidak, sebab apa2 yang kita bangga-banggakan ini akan menjahanamkan diri kita jua. Mungkin pada mula-nya kita belum berapa terasa akan akibat2 burok yang akan menimpa itu, tapi lama-kelamaan tentu-nya kita akan mengadah sa-sudah terantuk'.

Tambahan lagi telah terang dan jelas di-terangkan di-dalam Al-kor'an tentang akibat yang akan di-terima bila melanggar perintah2 Allah. Salah satu daripada nya akan kita dapati dalam Surah An-Nur potongan ayat 63 yang maksud-nya kira2: *"Maka hendak-lah orang2 yang menyalahi perintah-Nya takut akan di-timpa chubaan atau di-timpa azab yang pedih".*

Walau pun telah di-ketahui akan hal2 ini, namun ada jua yang terlibat tidak ambil pusing tentang hal ini, dan sa-olah2 tidak terikat dengan sa-suatu ikatan yang menegah-nya. Tentu-nya mereka ini tahu memikirkan yang mana perkara baik dan yang mana tidak baik. Perkara2 tegahan itu ada-lah sa-suatu yang mendatangkan akibat yang tidak baik, oleh sebab itu, sa-patut-nya sa-bagai manusia yang ber-akal patut untok memileh mana2 yang baik dan meninggalkan mana2 yang tidak baik dan menjadi tegahan. Kalau kita maseh 'gagah' dengan pendirian kita itu, sama-lah jua hal-nya kalau kita bermain api, akhir-nya membakar diri sendiri.

## Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 4hb Julai, 1979 hingga ka-hari Selasa 10hb Julai, 1979 ada-lah saperti di-bawah ini: —

| *Hari Bulan* | *Dzuhor* | *Asar* | *Magrib* | *Isha* | *Imsak* | *Suboh* | *Matahari Terbit* |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 4hb Julai | 12.29 | 3.51 | 6.41 | 7.52 | 4.38 | 4.53 | 6.11 |
| 5hb Julai | 12.29 | 3.51 | 6.41 | 7.52 | 4.38 | 4.53 | 6.11 |
| 6hb Julai | 12.30 | 3.51 | 6.41 | 7.52 | 4.39 | 4.54 | 6.12 |
| 7hb Julai | 12.30 | 3.51 | 6.41 | 7.52 | 4.39 | 4.54 | 6.12 |
| 8hb Julai | 12.30 | 3.51 | 6.41 | 7.52 | 4.39 | 4.54 | 6.12 |
| 9hb Julai | 12.30 | 3.51 | 6.41 | 7.52 | 4.39 | 4.54 | 6.12 |
| 10hb Julai | 12.30 | 3.51 | 6.41 | 7.52 | 4.39 | 4.54 | 6.12 |

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluroh Negeri Brunei di-mulai pada pukol 12.45 tengah hari.



# DARI BANDAR KA-L/BANDAR

KATA orang tua2 :- "Jauh perjalanan banyak pengalaman serta penglihatan dan lama hidup banyak di-rasa". Ini-lah barangkali yang menjadi pegangan Penasehat Umom Ke-bawah DYMM, Yang Teramat Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Awang Isa, sa-telah menyaksikan pameran ekspedasi yang telah di-adakan di-Muzium, yang lalu, (gambar kiri) meneruskan pula lawatan-nya ka-pendalaman Tutong untok meninjau sa-chara lebeh dekat akan kesulitan2 serta masaalah yang di-hadapi oleh pendudok2 di-kawasan2 pendalaman itu di-samping ingin membiasakan diri beramah-mesra dengan pendudok2 di-situ.



# MENCHEMARKAN MARUAH DI-KAWAL OLEH HUKUM2 ALLAH DAN UNDANG2 NEGERI

*— Uchapan PUSB di-Majlis Sambutan Isra' Me'raj Perengkat Negeri pada 22hb Jun lalu.*

DENGAN izin Allah, pada malam ini kita berkesempatan lagi memperingati peristewa Isra' dan Me'raj, ia-itu perjalanan Nabi Muhammad Sallallahu'alaihi Wassalam di-waktu malam pada 27hb Rejab hampir sa-ribu empat ratus tahun dahulu, dari Masjidil Haram di-Mekkah ka-Masjidil Aqsa di-Baitul-mukaddis, dan seterus-nya dari sana naik ka-langit hingga ka-Sidratul Muntaha.

Perjalanan Baginda itu telah banyak di-perkatakan serta di-analisa oleh cherdek pandai Islam dan yang bukan Islam. Pada umom-nya, analisa mereka itu memberi faham yang semakin menyakinkan dan mendekatkan kita supaya beriman sepenoh-nya terhadap kebesaran dan kekuasaan Allah Subhanahu Wataala, yang mana kebesaran dan kekuasaan Allah itu tidak terbatas yakni tidak di-pengarohi dan tidak di-tentukan oleh unsor2 jarak waktu dan tempat.

Maka peristewa Isra' Me'raj itu ada-lah suatu kejadian yang di-ranchang dan di-laksanakan oleh Allah Subhanahu Wataala bagi maksud2 tertentu yang antara-nya memberi iktekad dan panduan yang menetapkan nilai tentang jahat baik-nya sesuatu itu dalam tingkah laku kita di-waktu kita maseh hidup ini.

Saya di-fahamkan untok maksud mengambil iktibar sa-demikian itu-lah maka sambutan memperingati peristewa Isra' Me'raj tahun ini di-beri thema dengan ungkapan kata "Sentiasa Menjaga Maruah". Kita sama2 berharap sempena sambutan yang di-adakan seluroh negeri nanti, perhatian akan di-tumpukan kapada usaha2 menimbulkan keinsafan peri mustahak-nya kita sentiasa memelihara maruah dalam ertikata menjaga maruah diri sendiri dan diri orang lain dari di-chemar atau terchemar.

Kita sedia maalum akan ajaran Ugama Islam kita mengenai dengan tingkah laku dan perbuatan jahat, balasan dan hukuman-nya sangat-lah hina dan keji saperti di-perlihatkan oleh Allah kapada Nabi Muhammad s.a.w. dalam peristewa Isra' Baginda. Begitu pula sa-balek-nya tingkah laku dan perbuatan baik, balasan dan ganjaran-nya sangat-lah mulia dan terhormat.

Meletakkan diri sendiri terdedah kapada perbuatan2 yang tidak bermaruah ada-lah suatu kedzaliman. Dan lebeh dzalim serta lebeh tidak bermaruah lagi kalau mendedahkan orang lain kapada perkara2 yang memalukan. Sebab itu-lah ajaran Ugama Islam kita menganjorkan supaya sa-tiap orang sentiasa menaroh anggapan baik di-antara satu sama lain serta sentiasa pula memelihara anggapan baik orang lain terhadap diri kita.

**Perkara yang boleh menchemarkan maruah sa-seorang sangat-lah di-kawal oleh hukum2 Allah Subhanahu Wataala dan undang2 negeri. Kerana itu, pendedahan yang tidak perlu dan tidak mendatangkan faedah kapada kepentingan hukum2 Allah atau hak2 sa-sama hamba Allah hendak-lah di-elakkan. Dan kalau pendedahan atau tohmah yang menchemarkan maruah sa-seorang itu samata2 fitnah atau sangkaan2 yang tidak berasas atau yang membuta tuli yang bertujuan jahat, maka yang sa-demikian itu sangat-lah menyalahi hukum2 Allah dan undang2 negeri.**

Dalam perhubongan kita dalam masharakat di-negeri ini, kita ada-lah perlu bekerjasama dan hormat-menghormati di-antara satu dengan lain dan dengan yang demikian, keselamatan dan ketenteraman akan terpelihara. Sumbangan yang tidak kurang penting-nya ia-lah dengan chara masing2 berusaha pada mengelakkan daripada terdedah dan daripada mendedahkan sesama sendiri kapada perkara2 yang tidak bermaruah. Dengan yang demikian di-harap sa-tiap orang dari sa-tiap lapisan hidup akan berasa tenteram dan sejahtera ia-itu ketenteraman dan kesejahteraan jiwa dan peribadi serta tanggong-jawab dalam bidang tugas dan pekerjaan masing2. Amalan sa-demikian ada-lah satu sumbangan yang bernilai terhadap memelihara kemantapan suasana aman damai di-negeri kita Brunei Darussalam yang sama2 kita chintai ini.





YDM Dayang-Dayang Diraja, Datin Seri Utama Rosnah (gambar kiri atas) kelihatan sedang menyampaikan Oskar Kejohanan Kumpolan Nashid bahagian lelaki yang di-terima oleh Ketua Kumpolan Nashid Pasokan Bomba, Awang Wahabi bin Metussin. Sementara kedua2 gambar atas kanan memperlihatkan Yang Teramat Berhormat itu dalam perjalanan-nya ka-Rumah Panjang Supon Besar, untok meninjau pendapat pendudok2 di-situ dan meneruskan lawatan-nya ka-Sekolah Melayu Belaban, Daerah Tutong. Gambar bawah pula menunjokkan YTB sedang memperhatikan sa-orang pekerja menggunakan alat Komputer Penerbangan Diraja Brunei di-Bahagian Akauntan Sharikat itu, sa-jurus sa-telah YTB itu merasmikan-nya dalam bulan Mei lalu.



# RANCHANGAN TV MINGGU INI

Pehak Radio Talivishen Brunei berhak untok menukar mana2 jua ranchangan yang di-fikirkan perlu tanpa memberi tahu terlebeh dahulu.

## RABU — 4HB JULAI,

PETANG

5.45 PEMBUKAAN
5.46 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
5.58 SUSUNAN RANCHANGAN
6.00 RENGKASAN BERITA
6.02 STAR TREK — "Amok Time"
Spock kehilangan perasaan simpati-nya dan nyaris2 membunoh Kaptan Kirk bila satu liputan yang memaksa untok mengambil aleh sa-orang pegawai ahli sains dari Vulcan.
6.41 AZAN MAGHRIB
6.45 STAR TREK — sambongan
6.55 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS

MALAM

7.10 BOTANIC MAN — "Life on the Limit"
Shillong, di-Assam ada-lah sa-buah dari tempat2 yang paling basah di-dunia ini tapi berkemampuan untok membuat pengeluaran. Beberapa ribu tahun dahulu penghuni2-nya memainkan peranan sa-bagai pemburu. Dengan kedatangan revolusi pertanian yang mendatangkan kechelakaan2 tentang kehidupan yang di-lakukan oleh manusia sendiri telah menyebabkan bahan2 mentah membawa hakisan tanah yang meninggalkan-nya tanpa di-lindongi.
7.40 AGAINST THE WIND — "House on the Hill"
Untok sa-lama sa-tahun, Jonathan berusaha untok mendirikan sa-buah ladang yang di-dorong oleh angan2-nya untok mengahwini Polly. Tapi kekaseh Mary, Louisa Wilkshire telah mendapati kaseh sayang mereka sa-bagai ugutan kapada ranchangan-nya.
7.52 AZAN ISHA
7.56 AGAINST THE WIND — sambongan
8.30 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
8.45 MAJALLAH BRUNEI
9.05 SHOW OF THE WEEK : Celebrity Concert
9.55 PERLAWANAN GUSTI
10.45 SIARAN TAMAT.

## KHAMIS — 5HB JULAI,

PETANG

5.45 PEMBUKAAN
5.46 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
5.58 SUSUNAN RANCHANGAN
6.00 RENGKASAN BERITA
6.02 BIG BLUE MARBLE
6.30 DR WHO — "The Android Invasion"
Doktor dan Sarah terperangkap dalam satu ranchangan untok menaaloki bumi.
6.41 AZAN MAGHRIB
6.55 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS

MALAM

7.10 HIDAYAT
7.40 LOU GRANT — "Scoop"
Rossi dan Billie berkenan dengan chara gayong, satu dari chara2 lama dan teknik2 yang paling baik dalam melaporkan berita.
7.52 AZAN ISHA
7.56 LOU GRANT — sambongan
8.15 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
8.45 DOKUMENTARI MELAYU : "Struggle for Survival"
9.15 TAYANGAN FILEM MELAYU
11.15 SIARAN TAMAT.



DAVID Cassidy (gambar atas) memainkan peranan Dan Shay dalam siri MAN UNDERCOVER hari Selasa.

Dalam 'Teammates", Dan di-undang oleh sa-orang pengintip, Dixon, untok membantu-nya memerangkap sa-orang penjual senjata sa-chara haram yang di-panggil Spammer. Dixon merasakan diri-nya terlibat sa-chara peribadi dalam kes ini, kerana sa-bilangan besar dari orang2-nya sendiri telah menemui kematian dalam mengendalikan hal ini.

## JUMAAT — 6HB JULAI,

PETANG

5.15 PEMBUKAAN
5.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
5.28 SUSUNAN RANCHANGAN
5.30 KORG 70,000 BC — "The Running Fight"
Bila Bok di-sengat oleh labah2 yang berbisa yang telah menyebabkan penyakit amnesia yang menjadikan Bok berfikir yang Korg ada-lah musoh-nya.
6.00 RENGKASAN BERITA
6.02 THE OWL SERVICE
6.30 HUNTER'S GOLD — Bahagian ke-empat
6.41 AZAN MAGHRIB
6.45 HUNTER'S GOLD — sambongan
6.55 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS

MALAM

7.10 MORK AND MINDY — "Young Love"
Mork mempunyai perasaan yang dia pasti akan membebaskan kawan-nya yang muda Eugene, dan teman wanita-nya yang suka memberontak Holly Tyler dari aniaya kedua orang tua-nya jika dia mengahwini mereka — yang dalam pendapat-nya boleh di-lakukan-nya kerana dia ia-lah Kaptan kapal angkasa 'albeit'.
7.40 THE GENERATION GAME
7.52 AZAN ISHA
7.56 THE GENERATION GAME — sambongan
8.15 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
8.45 THE DAVID NIXON MAGIC SHOW
9.30 MRS COLUMBO — "Word Games"
11.00 NIGHT GALLERY — "Question of Fear"
11.50 SIARAN TAMAT.

## SABTU — 7HB JULAI,

PETANG

5.15 PEMBUKAAN
5.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
5.28 SUSUNAN RANCHANGAN
5.30 THE ADVENTURES OF GULLIVER—"Missing Crown"
6.00 RENGKASAN BERITA
6.02 SESAME STREET
6.41 AZAN MAGHRIB
6.45 SESAME STREET — sambongan
6.55 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS

MALAM

7.10 POTRET PENYANYI
7.40 DALLAS — "Royal Marriage"
7.52 AZAN ISHA
7.56 DALLAS — sambongan
8.30 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
8.45 MAJALLAH BRUNEI
9.05 STARSKY AND HUTCH
9.55 PREMIER SOCCER
10.55 TAYANGAN MALAM MINGGU — "The Badlanders"
12.15 SIARAN TAMAT.



DALAM "Royal Marriage" episod Dallas minggu ini kita di-bawa untok mengikuti perchintaan yang di-alami oleh Lucy yang ternyata telah menggembirakan sa-tiap ahli dalam keluarga Ewing, terutama-nya J. R. bila mendengar berita yang Lucy akan berkahwin dengan Kit Mainwaring III, anak lelaki tunggal kapada keluarga pemilek ladang minyak yang lain di-Texas.

J. R. menganggap perkahwinan Lucy yang akan datang itu sa-bagai chara untok menghubongkan kedua2 keluarga itu menjadi sa-buah dinasti minyak yang bebas dan bila dia mengetahui yang terdapat masaalah dalam chita2-nya itu, dia tidak mengizinkan apa2 jua untok menganggu ranchangan2-nya itu.

Gambar atas kelihatan Lucy bersama kekaseh-nya Kit Mainwaring III dalam episod Dallas minggu ini.

## AHAD — 8HB JULAI,

PETANG

5.15 PEMBUKAAN
5.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
5.28 SUSUNAN RANCHANGAN
5.30 CHOMAT DAN CHOMEL — "Senyuman"
5.45 OSCAR THE RABBIT IN RUBBIDGE — "Package Holiday"
Oscar dan Zaggy berchadang untok pergi berchuti agar Sir Feathersqueak mendirikan sa-buah kapal yang berbentok saperti gajah untok mereka.
6.00 RENGKASAN BERITA
6.02 CAPTAIN CAVEMAN AND MYSTERY ISLAND
6.30 SCIENCE INTERNATIONAL
6.41 AZAN MAGHRIB
6.45 SCIENCE INTERNATIONAL — sambongan
6.55 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS

MALAM

7.10 THE SOUND OF PETULA
7.40 RETURN OF THE SAINT
7.52 AZAN ISHA
7.56 RETURN OF THE SAINT — sambongan
8.30 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
8.45 BINTANG KECHIL
9.30 DRAMA
11.05 HOLLYWOOD SPECIAL : The Other Side of Stardom
11.35 SIARAN TAMAT.

## ISNIN — 9HB JULAI,

PETANG

5.45 PEMBUKAAN
5.46 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
5.58 SUSUNAN RANCHANGAN
6.00 RENGKASAN BERITA
6.02 LITTLE HOUSE ON THE PRAIRIE
6.41 AZAN MAGHRIB
6.45 LITTLE HOUSE ON THE PRAIRIE — sambongan
6.55 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS

MALAM

7.10 POT BLACK
7.40 ROOTS : "The Next Generations"
7.52 AZAN ISHA
7.56 ROOTS — sambongan
8.30 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
8.45 MAJALLAH BRUNEI
9.05 HOW THE WEST WAS WON — "The Slavers"
11.05 SIARAN TAMAT.

## SELASA — 10HB JULAI,

PETANG

5.45 PEMBUKAAN
5.46 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
5.58 SUSUNAN RANCHANGAN
6.00 RENGKASAN BERITA
6.02 SESAME STREET
6.41 AZAN MAGHRIB
6.45 SESAME STREET — sambongan
6.55 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS

MALAM

7.10 MUDA BELIA
7.40 FLYING HIGH — "Beautiful People"
Pam pergi bertugas buat sementara sa-bagai pramugari di-Sunwest Airlines sa-buah pusat latehan dan Marcy mendapati diri-nya bekerja di-sa-buah jet dengan hanya sa-orang penumpang.
7.52 AZAN ISHA
7.56 FLYING HIGH — sambongan
8.30 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
8.45 ARENA SOKAN
9.25 DOCUMENTARY — Exploration and Adventure "Dudh Kosi"
Enam orang ahli dayong British berhasrat untok pergi ka-beberapa tempat yang paling sukar dan merbahaya di-dunia ini yang akan di-temui di-Sungai Dudh Kosi yang sumbar-nya terletak sa-tinggi 17,000 kaki di-pergunongan Everest.
10.15 MAN UNDERCOVER — "Teammates"
Dan bersetuju untok membantu ejen bersekutu untok membongkar penjualan senjata sa-chara haram.
11.05 SIARAN TAMAT.



PENGAWAL Pasokan Bomba, Awang D. Faulkner menyampaikan hadiah kapada pelateh terbaik dalam bahagian praktikal, Awang Pungut bin Gapar.

# 30 ORANG LAGI PELATEH BOMBA TAMAT LATEHAN

PEKAN MUARA. — Sa-ramai 30 orang Ahli2 Bomba Pelateh pengambilan ke-11 telah menamatkan latehan mereka di-satu upachara tamat latehan yang telah di-langsongkan di-Sekolah Pusat Latehan Bomba di-sini pada hari Khamis yang baru lalu.

Pengawal Pasokan Bomba Brunei, Awang D Faulkner telah menerima dan memereksa tabek kehormatan perbarisan dan seterus-nya menyampaikan sijil2 dan hadiah2 kapada pelateh2 terbaik. Beliau juga beruchap di-upachara tersebut.

Dalam uchapan-nya Awg D Faulkner telah menasehatkan kapada anggota2 bomba supaya sentiasa mengambil inisiatif untok berbakti kapada orang ramai dan masharakat tanpa menghiraukan penat dan lelah demi untok menyelamatkan nyawa dan harta benda dari musnah oleh bahaya kebakaran.

Kata-nya sa-bagai sa-orang anggota bomba mesti-lah sentiasa siap sedia dan chekap dalam penggunaan dan pemeliharaan alat perkakas bomba kerana tanpa alat yang kurang memuaskan sa-seorang ahli bomba tidak akan dapat membuat kerja dengan sempurna apabila menerima sa-suatu panggilan.

"Segala apa2 yang Awang2 pelajari di-sini akan dapat menolong Awang2 untok berkhidmat sa-bagai anggota bomba yang penoh berdisiplin sama ada dari segi mental, moral mahupun fizikal kerana ia-nya sangat berguna bukan sahaja dalam menjalankan tugas sa-hari-hari bahkan berguna semasa lepas bertugas", jelas beliau.

Menyentoh tentang kebakaran yang berlaku baru2 ini yang mengorbankan sa-orang budak berumor lapan tahun beliau mensifatkan ia-nya sa-bagai satu tragedi yang sangat menyedehkan.

Walau bagaimana pun kata-nya kerja2 yang di-jalankan oleh anggota2 bomba pada masa itu sangat-lah memuaskan dan dapat mengatasi keburokan yang lebeh daripada apa yang terjadi.

Awang Faulkner juga telah menyampaikan hadiah kapada tiga orang pelateh terbaik. Mereka ia-lah Awg Teng Leng Leen, terbaik dalam semua jurusan; Av Pungut bin Gapar terbaik dalam bahagian praktikal dan Ak Harris bin Pg Duraman terbaik dalam bahagian teori.

Di-akhir upachara pada pagi itu, pelateh2 tersebut telah menunjokan kechekapan dan ketangkasan mereka dalam memadamkan api kebakaran. Ini termasok-lah chara2 memadamkan kebakaran kapal terbang kechil, kebakaran di-bangunan-bangunan tinggi dan chara2 menyelamatkan mangsa kebakaran.



PELATEH2 bomba itu sedang menunjokkan chara menyelamatkan orang yang terperangkap dalam kereta.

## Pengambilan rekrut AMDB akan di-teruskan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei akan meneruskan kempen pengambilan rekrut2 baru untok berkhidmat dalam pasokan itu sa-bagai soldadu, artisan, juruteknik dan lain2.

Sa-bagai panduan pemuda2 yang ingin menchebor-kan diri dalam kerjaya tentera itu berikut ia-lah sharat2 yang di-kehendaki:

Sa-orang pemohon mesti-lah raayat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan yang terdiri dari salah satu puak Jati Brunei (Brunei, Tutong, Kedayan, Dusun, Belait, Murut, dan Bisaya). Berat badan tidak kurang dari 105 paun dan tinggi tidak kurang dari 5 kaki 1 inchi.

Lulus darjah VI Melayu atau sa-banding dengan-nya. Bagi artisan dan juruteknik, pemohon2 mesti-lah lulus pepereksaan Brunei Junior Certificate of Education dan 'O' Level dalam matapelajaran sains, hisab dan Bahasa Inggeris.

Temuduga2 bagi pemohon2 ada-lah saperti berikut:

*Di-Dewan Bandaran BSB* — pada 4hb dan 5hb Julai dan 18hb dan 19hb Julai.

*Di-Bilek Bachaan Pekan Tutong* — pada 4hb dan 5hb Julai dan 18hb dan 19hb Julai.

*Di-Dewan Kemasharakatan Kuala Belait* — dari 9hb hingga 11hb Julai.

*Di-Bilek Bachaan, Pekan Bangar* — dari 9hb hingga 11hb Julai.

Semua temuduga akan di-jalankan dari jam 9.00 pagi hingga jam 3.00 petang.

Bagi mereka yang tidak berkesempatan untok menghadhiri temuduga saperti yang di-tetapkan itu, mereka boleh-lah mengisikan borang di-bawah dan hantar kapada alamat yang di-nyatakan.

Pegawai Pengambilan Pasokan,
Pusat Latehan AMDB,
Perkhemahan Bolkiah,
BRUNEI.

Nama: ........................................

Ingin berkhidmat dengan Pasokan AMDB.

Saya berumor ..................... tahun

Tinggi saya ................ kaki ................ inchi

Berat badan ..................... lbs

Lulus Darjah ........................ dalam tahun ..........

No Kad Pengenalan dan Warna ..........................

Alamat Rumah ........................................

Tanda tangan ........................................

## Kawasan terkawal

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pehak Pulis mengingatkan orang ramai supaya jangan memancing ikan di-jeti atau di-kawasan sekitar LNG.

Menurut pehak pulis kawasan tersebut ada-lah di-istiharkan sa-bagai tempat terkawal dan orang ramai ada-lah di-nasehatkan supaya menjauhi kawasan tersebut.

## Upachara perbarisan tamat latehan rekrut2 Pulis

JALAN MUARA. — Sa-ramai 27 orang rekrut Pulis Diraja Brunei dari pengambilan pertama tahun ini telah menamatkan latehan asas mereka dari Pusat Latehan Pulis Diraja. Sa-bagai menandakan tamat-nya latehan mereka itu, satu upachara perbarisan telah di-adakan di-Padang Perbarisan Pusat tersebut pada hari Sabtu lalu.

Pegawai Daerah Belait, Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd Jaafar telah mendapat penghormatan untok menerima tabek dan memereksa perbarisan di-upachara tersebut.

Dato Paduka Awang Haji Abdullah juga telah menyampaikan hadiah2 kapada rekrut2 yang telah di-pileh sa-bagai terbaik sa-masa menjalani latehan.

Rekrut 1027 Awg Ramlee bin Omar telah di-pileh sa-bagai terbaik dalam semua jurusan; Rekrut 606 Awang bin Minah di-pileh sa-bagai terbaik dalam jurusan Undang2 dan Pekerjaan Pulis dan Rekrut 1685 Awg Moktar bin Awang Damit, terbaik dalam kawad, kawad rusohan, latehan senjata dan latehan jasmani.



DATO Paduka Awang Haji Abdullah menyampaikan kayu belantan kapada rekrut Awang Ramlee bin Omar, yang telah di-pileh sa-bagai rekrut terbaik dalam semua jurusan sementara gambar bawah pula kelihatan beliau memereksa barisan rekrut2 yang telah menamatkan latehan itu.





# DYMM BERANGKAT KA-MAJLIS PERTANDINGAN MEMBACHA KOR'AN

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei telah berangkat berchemar-duli ka-Majlis Pertandingan Membacha Al-Kor'an Bahagian Dewasa Perengkat Sa-Negeri pada malam Sabtu yang baru lalu dan berkenaan menganugerahkan hadiah2 dan sijil2 kapada pemenang2 dan peserta2 peraduan.

Pertandingan yang di-adakan dua malam berturut-turut itu telah di-langsongkan di-kawasan tanah lapang berhadapan dengan Masjid Omar Ali Saiffuddin dan di-siarkan sa-chara langsong melalui Radio dan TV Brunei.

Pertandingan tersebut telah di-rasmikan oleh Speaker Majlis Mashuarat Negeri, Yang Amat Mulia Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar bin Pengiran Umar dan di-sertai oleh sa-ramai 12 orang peserta — enam orang qari dan enam orang qariah.

Peserta dari Daerah Brunei-Muara, Awang Haji Damit bin Haji Kawang telah munchol sa-bagai Johan qari dengan mendapat markah 88.5 peratus sementara johan qariah pula telah di-sandang oleh peserta dari Daerah Tutong, Dayang Hajjah Masni bte Haji Abdi Manaf dengan mendapat markah 164 mata.

Naib johan dalam bahagian lelaki jatoh kapada Awang Md Yusof bin Abu Bakar. Johan qari tahun lalu itu telah mendapat markah 86.25 peratus dan tempat ketiga telah di-menangi oleh Awang Johari bin Pehin Penyurat Haji Omar dengan mendapat markah 83 peratus. Kedua2 peserta itu ia-lah dari Daerah Brunei-Muara.

Naib johan dalam bahagian perempuan pula telah di-menangi oleh Dayang Hajjah Siti Ara bte Haji Idris dengan mendapat markah 86.5 peratus sementara tempat ketiga jatoh kapada Dayangku Saadiah bte Pengiran Haji Tuah dengan mendapat markah 81.75 peratus kedua2-nya juga dari Daerah Brunei-Muara.

Daerah Brunei-Muara telah munchol sekali lagi sa-bagai daerah terbaik pada tahun ini dengan mendapat markah 164 mata.

Berbagai2 achara telah di-persembahkan dalam pertandingkan itu termasok-lah persembahan nashid dari Kumpolan Nashid Jabatan2 Kerajaan, dan Pusat Tingkatan Enam, perarakan tanglong daripada Sekolah2 Menengah dan Maktab2. Iringan hadzrah dari Sekolah Melayu Dato Godam dan SPI Bandar Seri Begawan serta pencharagam dari Askar Melayu Diraja Brunei ada-lah juga menyerikan lagi suasana pertandingan pada malam tersebut.

Pertandingan yang berthemakan "BERNEGARA DENGAN PETUNJOK ALLAH" itu telah di-langsongkan di-atas Astaka yang di-reka bentok oleh Pg. Ismail bin Pg. Mahmud, Akitek Kanan Jabatan Kerja Raya.

Awang Haji Damit dan Dayang Hajjah Masni akan mewakili Negeri Brunei ka-Pertandingan Membacha Kor'an Perengkat Antarabangsa yang akan di-adakan di-Kuala Lumpur dalam bulan depan.



SPEAKE… Mulia P… Bakar b… Pertand…







GAMBAR2 ini menunjokkan perarakan… penuntut2 sekolah Arab sa-bagai menyer… dingan Membacha Kor'an Perengkat Ne…



GAMBAR paling atas kelihatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei melafadzkan titah sa-jurus sa-belum menganugerahkan hadiah2 dan sijil2 kenang2an kapada pemenang dan peserta Pertandingan Membacha Kor'an Perengkat Negeri. Gambar atas: Baginda menganugerahkan Piala Kejohanan kapada johan qari, Dayang Hajjah Masni bte Haji Abd Manaf sementara gambar atas kanan pula kelihatan Baginda Yang Dipertuan berangkat tiba ka-Majlis Pertandingan Membacha Kor'an itu. Gambar bawah kiri kelihatan Baginda Yang Dipertuan; DYTM Paduka Seri Begawan Sultan; YTM Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himmah Wal-Waqar serta lain2 pembesar negara menadah tangan mengaminkan do'a yang di-bachakan oleh YDM Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama Awang Haji Ismail bin Umar Abdul Aziz di-akhir Pertandingan Membacha Kor'an itu.







JOHA… Awang… Pehin… pertan…



R Majlis Mashuarat Negeri, Yang Amat ngiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu n Pengiran Umar bersabda merasmikan ngan Membacha Kor'an Perengkat Negeri.

# Letakkan seluroh kehidupan di-atas lunas2 petunjok Allah

BERIKUT ia-lah sabda Yang Amat Mulia Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar bin Pengiran Umar, di-Majlis Pertandingan Membacha Kor'an Perengkat Negeri.

THEMA pertandingan yang telah di-tentukan pada tahun ini, pada pendapat saya amat-lah bersesuaian dengan ajaran2 Al-Kor'an, thema itu 'BERNEGARA DENGAN PETUNJOK ALLAH'.

Menurut apa yang di-fahamkan bahawa negara menurut kehendak Al-Kor'an ia-lah negara makmor atau negara bahagia yang mendapat keredhaan Allah, maka saya fikir thema pertandingan tahun ini patut-lah juga di-fahamkan sa-bagai salah satu perangsang bagi raayat dan pendudok negeri ini supaya menchurahkan khidmat dan berusaha menurut keupayaan masing2 pada menjadikan Negeri Brunei Darussalam ini sa-bagai sa-buah negara yang penoh dengan kemajuan, kemakmoran dan kebahagiaan dengan melalui dasar2 yang di-redhai Allah.

Untok menchapai tujuan sa-buah negara saperti yang kita chita2kan itu bukan-lah satu perkara yang mustahil, sharat-nya hendak-lah kita benar2 meletakkan seluroh kehidupan kita dan semua khidmat serta semua usaha yang di-maksudkan bagi pembangunan negara di-atas lunas2 petunjok Allah.

Di-dalam Al Kor'an sa-bagai yang kita tahu ada terdapat petunjok atau ajaran2 Allah bagi menjamin negara makmor atau negara bahagia yang mendapat keredhaan Tuhan itu.

Punchak dari ajaran tersebut ia-lah perentah Allah, supaya kehidupan kita ini hendak-lah di-lengkongi oleh iman dan amal saleh. Dengan iman dan amal saleh sa-tiap orang akan beroleh hidup yang bahagia di-dunia dan akhirat. Dan dengan iman dan amal saleh sa-buah masharakat bahkan sa-buah negara akan beroleh hidup bahagia yang penoh dengan keredhaan Allah itu. Sebab iman itu boleh mendorong khidmat dan bakti yang jujor lagi amanah sa-mata2 kerana hendak mendapat keredhaan Allah.

Dan bukan-lah untok faedah dan keuntongan diri sa-mata2. Iman juga boleh mendorong suatu kehidupan yang sederhana, tetapi gigih dan kuat berusaha. Dengan kesederhanaan itu dapat-lah di-hindarkan segala bentok penyelewengan yang boleh membawa kerosakan kapada masharakat dan negara.

Mengelakkan kerosakan kapada masharakat dan negara itu patut-lah menjadi pegangan sa-tiap orang, kerana dengan itu masing2 akan berusaha dan mengusahakan hanya sa-suatu yang baik dan berfaedah bagi diri-nya sendiri, keluarga, bangsa dan tanah ayer-nya.

Saya berpendapat perkara2 saperti ini ada-lah menjadi inti kapada amalan saleh itu, dan berbuat amalan saleh yang lahir daripada durongan iman ada-lah sa-baik2 sandaran hidup bagi menchapai kehidupan bernegara yang benar2 di-redhai Allah.

Oleh yang demikian saya berharap pertandingan membacha Al Kor'an tahun ini yang di-beri thema BERNEGARA DENGAN PETUNJOK ALLAH akan benar2 menguatkan lagi tekad dan azam kita bagi mengusahakan berbagai-bagai kemajuan kapada Negeri Brunei dengan bersandarkan titah perentah Allah.



anglong yang di-ambil bahagian oleh ilan achara pada malam kedua Pertan-egri.







ari, Awang Haji Damit bin Haji Kawang (kiri); pemenang kedua — Yusof bin Abu Bakar dan pemenang ketiga — Awang Johari bin urat Haji Omar ketika memperdengarkan bachaan mereka dalam n tersebut.











GAMBAR paling atas menunjokkan Astaka yang di-bena khas untok Pertandingan Membacha Kor'an Perengkat Negeri pada tahun ini. Astaka itu di-reka oleh sa-orang akitek tempatan Pengiran Ismail bin Pg Haji Mahmud. Gambar atas kiri : Johan qari, Dayang Hajjah Masni binte Haji Abdul Manaf; pemenang kedua — Dayang Hajjah Siti Ara binte Haji Idris dan pemenang ketiga Dayangku Saadiah binte Pengiran Haji Tuah. Sementara gambar bawah pula ia-lah Pasokan Nashid Pasokan Bomba mempersembahkan sa-buah Nashid yang bertajok "Beramal Untok Dunia dan Akhirat".





GAMBAR atas kiri kelihatan johan silat, Awang Haji Yassin menerima Perisai Kejohanan yang di-sampaikan oleh Yang Amat Mulia Pengiran Setia Jaya Pengiran Haji Abdul Momin, sementara gambar atas kanan pula menunjokkan perlawanan Kuntau antara Awang Haji Suhaili dan Awang Daud.

# *PERADUAN SILAT DAN KUNTAU*

BANDAR SERI BEGAWAN. — Awang Haji Yassin bin Haji Ahmad dan Awang Haji Suhaili bin Hj Bakar masing2 telah berjaya menjadi johan dalam Peraduan Silat dan Kuntau perengkat Daerah Brunei-Muara.

Peraduan tersebut telah di-adakan di-Pusat Belia di-sini pada minggu lalu sa-bagai salah satu achara sambutan Hari Keputeraan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei. Sa-ramai 17 orang peserta — 12 orang dalam perlawanan silat dan lima dalam perlawanan kuntau telah mengambil bahagian dalam perlawanan sa-lama dua malam berturut-turut itu.

Naib-johan dalam bahagian silat di-sandang oleh Awang Haji Munaf bin Haji Ibrahim sementara tempat ketiga di-menangi oleh Ak Jaluddin bin Pg Md Salleh.

Awang Daud bin Ajak telah menjadi naib-johan dalam peraduan kuntau dan Pg Metarsad bin Pg Haji Metassan memenangi tempat ketiga.

Di-samping menerima sabuah perisai dan piala pusingan, johan dalam tiap2 bahagian itu juga telah menerima tiket penerbangan perchuma ka-Singapura.

Awang Haji Yassin dan Awang Haji Suhaili akan mewakili Daerah Brunei-Muara ka-Peraduan Silat dan Kuntau Perengkat Negeri yang akan di-adakan di-Istana Darul Hana pada 15hb Julai ini.

# Peraduan Nyanyian Brunei Asli dan Pakaian Beragam

BANDAR SERI BEGAWAN. — Majlis Belia-Belia Negeri Brunei akan menganjorkan peraduan Nyanyian Brunei Asli dan Pakaian Beragam, sempena dengan sambutan Perayaan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei Ke-33 tahun. Peraduan tersebut yang di-kelolakan oleh Persatuan PERWIRA akan di-bukakan kapada pendudok2 di-Daerah Brunei. Ia-nya akan di-langsongkan di-Padang Besar sini.

Antara sharat2 yang terkandong dalam peraduan2 itu ia-lah: Tiap2 peserta hanya di-benarkan membawa sa-buah lagu sahaja; Tiap2 peserta dalam peraduan Pakaian Beragam hendak-lah menyatakan chorak pakaian yang akan mereka pakai dan tidak dibenarkan memakai pakaian yang menyerupai serta tegahan Kerajaan DYMM.

Borang2 serta penerangan yang lebeh lanjut boleh di-dapati daripada: A. Azahari Gemok d/a Kampong Sungai Pandan, Haji Abd Hamid Damit d/a Pejabat Pelajaran Brunei dan Awang Abdul Razak Kadir d/a Pencharagam Pulis Diraja Brunei. Borang2 tersebut hendak-lah dikembalikan tidak lewat pada 10hb Julai 1979 kapada nama2 tersebut.

Sementara dalam pertandingan Malam Bintang Keputeraan 1979 anjoran MBB yang di-kelolakan oleh Persatuan PUSAKA (Kampong Sungai Kebun Brunei) akan juga di-langsongkan di-Padang Besar di-sini pada 22hb Julai 1979. Pertanding itu terbuka kapada Persatuan2 Belia dan Kebajikan. Jika peserta yang mengambil bahagian dalam pertandingan itu terlalu ramai, maka satu pemilehan akan di-adakan. Sa-tiap persatuan hanya di-bolehkan menghantar dua peserta ia-itu saorang lelaki dan sa-orang perempuan.

Borang2 penyertaan boleh di-dapati daripada: Awang Suhaili bin Haji Moktar d/a Jabatan Perikanan Brunei: Awang Md Sudin bin Tamin d/a Kampong Lurong Dalam dan Awang Ismail bin Rendah d/a Kampong Bukit Salat Bandar Seri Begawan. Borang2 itu hendak-lah dikembalikan tidak lewat 16hb Julai 1979. Tiap2 peserta hendak-lah membawa lagu2 Melayu (lagu2 bahasa asing tidak akan di-layan).

Ada-lah juga di-fahamkan bahawa pehak penganjor tidak akan menyediakan kenderaan kapada peserta yang akan mengambil bahagian dalam semua perlawanan dan pertandingan2 tersebut.

# Majlis Dikir

BANDAR SERI BEGAWAN. — Majlis Belia-Belia Negeri Brunei akan mengadakan majlis berdikir di-Masjid Omar Ali Saifuddin di-sini pada 14hb Julai mulai jam 7.30 malam sempena sambutan Hari Keputeraan Kebawah DYMM Paduka Seri Beginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei yang ke-33 tahun.

Dari itu, Setia Usaha Agong MBB, meminta ahli2 persatuan2 belia dan kebajikan serta orang ramai di-Daerah Brunei-Muara supaya akan dapat hadhir beramai2 ka-majlis tersebut.

# Rekrut Pulis wanita di-kehendaki

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pegawai2 pengambilan rekrut Pulis Diraja Brunei akan mengadakan temuduga di-Balai2 Pulis mulai minggu depan untok menemuduga wanita2 yang ingin berkhidmat dengan pasokan itu sa-bagai anggota Pulis.

Pemohon2 yang di-pileh dalam temuduga itu nanti akan memulakan latehan asas sa-lama enam bulan sa-bagai rekrut di-Pusat Latehan Pulis Jalan Muara dalam awal bulan September tahun ini.

Wanita2 raayat Kebawah Duli Yang Maha Mulia yang berumor di-antara 18 hingga 28 tahun, sekurang2-nya 5 kaki tinggi dan berbadan sehat ada-lah di-persilakan hadhir untok di-temuduga pada tarikh2 yang di-tetapkan. Mereka juga mesti-lah lulus sekurang2-nya Darjah VI Melayu atau Inggeris.

Gaji permulaan bagi saorang rekrut ia-lah $325.00 sa-bulan di-tambah $100.00 sa-bagai alaon. Apabila menamatkan latehan asas, gaji dan alaon di-naikkan kapada $525.00 sa-bulan.

Berikut ia-lah jadual temuduga yang akan dijalankan oleh Pegawai2 Pengambilan itu:

Di-Balai Pulis Bandaı Seri Begawan — pada hari Isnin 9hb dan Selasa 10hb Julai. Temuduga akan di-adakan pada jam 8.00 pagi dan 1.30 petang.

Di-Balai Pulis Tutong — pada hari Rabu 11hb Julai pada jam 8.00 pagi dan 1.30 petang.

Di-Balai Pulis Kuala Belait — pada 17hb Julai mulai jam 8.30 pagi dan 1.30 petang.

Di-Balai pulis Bangar — pada 18hb Julai pada jam 9.00 pagi dan 1.30 petang.

# Kejohanan Tenis tiga wilayah

BANDAR SERI BEGAWAN. — Persatuan Tenis Brunei telah memileh enam orang pemain untok menyertai Kejohanan Tenis Antara Wilayah yang akan di-adakan di-Kuching mulai 11hb hingga 16hb Julai ini.

Enam orang yang di-pileh mewakili Brunei itu ia-lah Awg Abu Bakar Rahman, Awg Thomas Chia, Aw Chee Chau Poy, Awg James Lim, Awg Md Yusof bin Haji Abdul Hamid dan Awg Lim Phang Vui.

Mereka itu akan di-iringi oleh tiga orang pegawai Persatuan ia-itu Md Ariffin Ajmain selaku Ketua Rombongan, Abdullah Haji Zakiah dan Awang Tan Koon Hui.

Rombongan tersebut akan bertolak ka-Kuching pada 11hb Julai.

Kejohanan tersebut di-adakan pada tiap2 tahun antara Sarawak, Sabah dan Brunei. Tahun depan perlawanan tersebut akan di-adakan di-sini.

# Pembantu Teknik berkursus

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-orang Pembantu Teknik dari Yunit Reprography Bahagian Pemetaan Jabatan Ukor, Awg Ahmad bin Hamid kini sedang berada di-Holland untok menjalani kursus sa-lama tiga minggu di-International Training Centre, Enschede, Holland untok mempelajari mengenai pengendalian makmal foto.

Ini ada-lah kursus kedua bagi Awang Ahmad. Pertama kali beliau menjalani kursus amali dan praktikal dalam bidang fotografi sa-lama enam bulan di-Directorate of Overseas Survey di-United Kingdom dalam tahun 1977.



DUA orang penyelia kanan dari Jabatan Kemajuan Kerjasama yang telah berlepas ka-United Kingdom pada awal Oktober tahun lalu telah pulang baru2 ini sa-telah berjaya memperolehi kelulusan sijil dalam Pengurusan dan Pentadbiran Sharikat2 Kerjasama.

Awang Hj Tahir bin Hj Abd Wahab dan Awg Ibrahim bin Hj Jalil kedua-dua-nya telah mengikuti kursus Pengurusan dan Pentadbiran Sharikat2 Kerjasama di-International Cooperative Training Centre, Cooperative College, Loughbourgh UK sa-lama sembilan bulan sejak 9hb Oktober, 1978 hingga 22hb Jun, 1979.

Sa-lain dari mereka yang menyertai kursus tersebut, terdapat lebeh 20 orang peserta kursus lain yang terdiri dari beberapa buah negara Asia, Afrika, negeri2 Lautan Pasifik dan Amerika Latin sama2 berada di-pusat latehan tersebut mengikuti kursus yang sama dan berbagai kursus yang lain.

Kelihatan dalam gambar duduk ketiga dari kanan, Awg Hj Tahir dan berdiri baris ketiga paling kiri, Awg Ibrahim bin Haji Jalil bergambar ramai bersama-sama dengan peserta kursus yang lain di-hadapan bangunan pusat latehan tersebut. (Gambar Awg Hj Tahir).

# CHATOR DINAMIK

OLEH: STEWART WAVELL

# MAIN CHATOR — PERMAINAN DIRAJA

Siri ke-33

BEBERAPA tahun kebelakangan ini satu bentok baru dalam permainan chator telah timbul dan pelopor-nya yang terkuat ada-lah Tal. Awda tentu maseh ingat yang kita telah belajar daripada Philidor mengenai nilai struktur Bidak, dan kemudian daripada Steinitz tentang nilai menawan petak2 lemah dan menguasai-nya dengan buah-chator2 kita. Kita mempelajari daripada Nimzowitsch betapa penting-nya kita menubohkan satu kedudokan Kuda dan chara memblokir Bidak terlepas dengan satu Kuda, dengan yang demikian menambah kekuatan Kuda itu. Kita mempelajari daripada Tarrasch betapa penting-nya kita menyusun satu bahagian tengah yang kuat yang di-kuasai oleh Bidak2 bahagian tengah kita. Kemudian kita dapat tahu daripada Reti dan Breyer bahawa ada-lah selalu-nya lebeh baik untok mengumpan Bidak2 musoh yang di-bahagian tengah supaya bergerak ka-depan, dan menyerang-nya dari penjuru dengan Gajah, dari sa-tiap tepi dengan Bidak2 dalam lorong Gajah. Sa-lepas memusnahkan Bidak2 musoh di-bahagian tengah itu, kita pun mendudoki bahagian tengah itu dengan Bidak2 atau buah-chator2 kita. Semua ini sudah kita pelajari.

Kita telah memerhatikan, sa-chara perlahan-lahan, pendedahan prinsip2 baru tempat mengasaskan apa yang di-sebut 'positional play'. Kita juga telah menyaksikan banyak chontoh mengenai taktik yang menghasilkan samada penawanan buah-chator musoh atau melakukan mat. Dengan semua pengetahuan ini berada dalam otak kita, sekarang kita melakukan satu lagi langkah maju yang menggembirakan. Kita akan belajar bermain apa yang di-sebut "Chator Dinamik". Dalam permainan chator jenis ini, kita maseh mengenakan semua yang kita tahu mengenai taktik, dan kita maseh mempertimbangkan dengan teliti kesan mana2 gerak terhadap keselurohan kedudokan kita, tetapi so'alan yang paling utama dalam fikiran kita ada-lah: "Ada-kah gerak ini membantu serangan kita maju ka-depan" Atau: "Ada-kah ia membuka kedudokan untok memberikan kebebasan yang luas kapada buah-chator kita untok menyerang?".

Pada masa yang lepas, awda maseh ingat, kita telah berhati2 untok menjimatkan Bidak2 kita, dengan mengingat bahawa pada permainan hujong satu kelebehan Bidak dapat memenangi permainan dengan menjadikan-nya Menteri. Tetapi bagaimana kalau tidak terdapat permainan hujong? Bagaimana kalau kita dapat melancharkan satu serangan yang menentukan sa-suatu, dan dalam proses serangan itu mungkin kita mengorbankan satu atau dua Bidak? Dengan kata lain, mari-lah kita menggunakan Bidak2 kita untok membuka satu kedudokan, untok mengalehkan kedudokan satu buah-chator atau Bidak musoh daripada satu petak penting di-mana kita ingin meletakan Kuda kita, untok mengumpan Menteri atau satu buah-chator musoh lari dari pertahanan kedudokan Raja, sa-belum kita menggempor dengan segala yang ada pada kita! Permainan chator dinamik saperti ini ada-lah paling taktikal tetapi ia juga bersifat positional dalam erti kata yang tujuan awda ada-lah untok menguasai petak2 utama dalam gerak maju serangan awda. Saya berikan satu chontoh permainan antara Tal dengan Botvinnick. Ini ada-lah permainan ke-8 dalam permainan Kejuaraan Dunia tahun 1961. Tal bermain Puteh.

| | | |
|---|---|---|
| 1. | B-e4 | B-c6 |
| 2. | B-d4 | B-d5 |
| 3. | B-e5 | B-c5 |
| 4. | BxB! | |

Membuka permainan dan melakukan tekanan ka-atas bidak Menteri merupakan satu chara yang jelas bagi Puteh untok menchuba serta mengeksploit kehilangan tempo Hitam.



Tal

| | | |
|---|---|---|
| 4. | . . . | B-e6K |
| 5. | M-g4 | K-c6 |
| 6. | K-f3 | M-c7 |
| 7. | G-b5 | G-d7 |
| 8. | GxK | MxG |
| 9. | G-e3 | K-h6 |
| 10. | GxK! | BxG |

Dengan mendobel Bidak2 Hitam di-sebelah bahagian Raja, Tal mendesak Hitam supaya berkubu di-sebelah bahagian Menteri, tetapi ia sudah bersedia dengan permainan dinamik untok membuka segera satu lorong di-hadapan kedudokan yang berkubu itu.

| | | |
|---|---|---|
| 11. | K-d2 | MxB |
| 12. | B-c4! | |

Bukan sahaja menchari untok membuka lorong 'c' tetapi juga memperolehi petak e4 untok Kuda-nya.

| | | |
|---|---|---|
| 12. | . . . | 0-0-0 |
| 13. | 0-0 | R-b8 |
| 14. | T(f1)-d1 | M-b6 |
| 15. | M-h4! | B-a5 ? |
| 16. | T(a1)-c1 | T-c8 |
| 17. | K-b3 | |

Perhatikan yang dalam permainan ini Kuda ada-lah jauh lebeh gagah daripada Gajah!

| | | |
|---|---|---|
| 17. | . . . | B-a4 |
| 18. | B-c5! | M-c7 |
| 19. | K(b3)-d4! | T-g8 |

Menerima korban Bidan membolehkan Puteh untok membuka hampir semua jalan di-sebelah bahagian Menteri.

Mithal-nya, jika 19. . . ., GxB; kemudian 20. B-b4, BxB d. b.; 21. KxB(b3), B-b6; 22. B-a4 dan 23. B-a5.

| | | |
|---|---|---|
| 20. | B-b4 | BxB d.b. |
| 21. | BxB | M-d8 |

Makan-memakan Menteri tidak dapat mengurangkan masa'alah2 Hitam.

| | | |
|---|---|---|
| 22. | MxM | TxM |
| 23. | B-b4 | |

Sekarang Gajah2 ada-lah jelas lebeh terhad pergerak-nya.

| | | |
|---|---|---|
| 23. | . . . | T-g4 |
| 24 | B-b5 | T-c8 |
| 25. | B-c6!! | G-e8 |
| 26. | T-c2 | |

Mengekalkan chengkaman-nya ka-atas bidak Gajah sambil bersedia untok mendobel pada lorong 'a'.

| | | |
|---|---|---|
| 26. | . . . | G-97 |

Akhir-nya Gajah ini melakukan gerak-nya yang pertama dalam permainan ini, dengan mengancham untok makan satu Bidak, tetapi gemporan Puteh di-sebelah bahagian Menteri sudah jauh lebeh maju yang ia dapat tidak mengindahkan anchaman itu.

| | | |
|---|---|---|
| 27. | T-a1 | GxB(e5) |
| 28. | KxG | TxK |
| 29. | K-d7 asah | Menyerah kalah. |

Jika 29. . . ., R-c7; 30. B-b6 asah, R-d8; 31. BxB dan menjadi Menteri, sementara sa-lepas 29. . . ., GxK; 30. BxG Puteh juga mendapat satu Menteri kerana jika 30. . . ., T-d8; kemudian 31. T-c8 asah, TxT; 32. T-a8 asah! RxT; 33. BxT(M) asah, R-a7; 34. M-c5 asah dan 35. MxT.

Dalam permainan ini, Botvinnick langsong kalah dalam semua siasat pergerakan. Penujuan saintifik telah di-jatohkan oleh penujuan dinamik. Tetapi awas. Tal pernah berkata yang nasib mendampingi orang yang aktif, bukan-nya orang yang melakukan sa-suatu sa-chara membabi buta. Penujuan dinamik memerlukan bukan sahaja pertimbangan sak-sama dengan kepala dingin tetapi juga penujuan positional statik. Apa-kah jenis-nya orang saperti Mikhail Tal ini yang pada zaman moden ini telah memasokkan idea2 baru ka-dalam chator dinamik? Ini akan kita ketahui minggu depan. Tetapi awda tentu ingin tahu yang walau pun ia pernah menjadi juara dunia dan memenangi begitu banyak perlawanan, ia tidak-lah bimbang apabila kalah. "Jika saya kalah, bukan di-sebabkan oleh kehandalan lawan saya atau di-sebabkan oleh permainan yang terburu-buru, saya akan menyesali diri saya. Satu permainan chantek yang di-menangi oleh lawan saya akan menggembirakan saya, dan biasa-nya sa-lepas itu saya mula bermain dengan lebeh baik."

**HURAIAN MASA'ALAH 29**

1. G-f6, T(a1)-c8 (1. . . ., BxG; 2. BxB di-ikuti oleh 3. K-d4, jadi jika 2. RxB, kemudian 3. M-h5 asah, R-g8; 4. K-g5); 2. K-d4, BxG; 3. BxB, Menyerah kalah.

## Masa'alah 30




Rajah 79

Fischer mengeksploit kedudokan yang luar biasa ini untok membolehkan menawan satu Bidak. Fischer-Spassky. Permainan ke-8. Reykjavik, 1972.



# TINGKATAN ENAM JOHAN SUKAN MENENGAH ATAS

TUTONG — Pusat Tingkatan Enam Gadong telah munchul menjadi johan sa-telah mendapat mata kemenangan yang tertinggi sekali bagi keselurohan lelaki dan perempuan dalam temasha sukan tahunan kali ke-13 antara Sekolah2 Menengah Atas Sa-Negeri yang telah berlangsong di-Arena Sukan Sekolah Menengah Melayu Muda Hashim di-sini.

Naib johan ia-lah Maktab Perguruan Sultan Hassanal Bolkiah Gadong.

Kedua2-nya juga masing2 telah memenangi tempat pertama dan kedua bagi keselurohan mata kemenangan bagi kumpolan lelaki. Dalam kumpolan perempuan tempat pertama telah di-menangi oleh Sekolah Menengah Melayu Muda Hashim sementara Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri telah berjaya mendudoki tempat kedua.

Temasha yang di-anjorkan oleh Bahagian Latehan Jasmani Jabatan Pelajaran itu telah di-rasmikan oleh Pengawal Kastam dan Bea Diraja Brunei, Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibon Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz bin Yang Amat Mulia Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar yang juga telah menyampaikan hadiah2 di-akhir temasha.

Lebeh dari 300 orang pelajar yang mewakili 17 buah sekolah2 menengah atas seluroh negeri telah mengambil bahagian. Sabanyak 37 achara telah di-pertandingkan di-temasha yang juga telah di-serikan oleh permainan pencharagam oleh Pasokan Pencharagam Sekolah Inggeris Sufri Bolkiah Tutong.

Hadiah2 bagi pemenang2 di-temasha tersebut ada-lah atas sumbangan Jabatan Pelajaran Brunei, Perusahaan Berdikari dan Sharikat Abdul Samad dan Anak2.

Kedua2 gambar menunjokkan suasana di-temasha tersebut.



# Kejohanan Chator RTB

BANDAR SERI BEGAWAN. — Setia Usaha Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz minggu lalu telah menyampaikan hadiah2 kapada pemenang2 Kejohanan Chator RTB anjoran Jabatan Radio dan Talivishen Brunei bertempat di-Bilek Persidangan Jabatan tersebut.

Perlawanan yang telah bermula pada bulan April itu telah di-sertai oleh saramai 12 orang pemain.

Kejohanan itu telah di-menangi oleh Awang Abd. Rahman bin Haji Mohammad Tahir, kedua Awang Foo Chew Yin dan ketiga Yang Amat Mulia Pengiran Seri Indera Pg. Haji Ismail bin Pg. Haji Mohammad.

Pemenang pertama dalam kejohanan itu menerima wang tunai $500; kedua $300 dan ketiga $100.

Turut hadhir di-majlis tersebut termasok-lah Pengawal Radio dan Talivishen, Awang James Miller, Timbalan Pengawal, Awg Salleh bin Kadir dan Awg Stewart Wavell serta lain2 pegawai kanan RTB.

# JAWATAN2 KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## DI-PEJABAT SETIA USAHA KERAJAAN

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan2 kosong yang berikut di-Pejabat Setia Usaha Kerajaan bahagian Sukatan dan Timbangan, Brunei.

1. MEKINIK SUKATAN DAN TIMBANGAN:

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

a) Pemohon2 mesti-lah berumor di-antara 25 hingga 35 tahun. Lulus Sekolah Pertukangan Kejuruteraan Kerajaan atau Sekolah Kejuruteraan Minyak Shell dengan memperolehi Sijil City and Guilds atau yang sebanding dengan-nya.

b) Mempunyai sekurang2-nya sa-tahun pengalaman praktikal di-bahagian Sukatan dan Timbangan.

**Tugas2 :**

Chalon2 yang terpileh mesti-lah bersedia untok berkhidmat di-mana2 daerah dalam negeri Brunei.

**Gaji :**

Dalam sukatan gaji D. 1-2 EB.3-4—$370-383-395-408-421-434-446-465-485-504-523 - 542-561 /EB/625-657-689-720-752-784-854-880-905-931-956 - 982-1007.

2. PENYELANGGARA SETOR TINGKATAN III:

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

a) Pemohon2 mesti-lah berumor antara 20 hingga 30 tahun. Lulus sekurang2-nya Tingkatan III Melayu atau yang sebanding dengan-nya.

b) Mempunyai Pengetahuan dalam kerja2 Penyelanggaraan Setor.

**Gaji :**

Dalam sukatan gaji E. 1-2-3 EB. 4 — $357-370-383-395-408-421-434-446-459-472-485 - 497-510-523 /EB/ 536-548-561-574-587-599.

3. PENGHANTAR SAMAN:

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

Pemohon2 mesti-lah berumor antara 18 hingga 25 tahun. Lulus sekurang2-nya Tingkatan III Melayu atau Inggeris atau yang sebanding dengan-nya.

**Tugas2 :**

Chalon2 yang terpileh mesti-lah bersedia berkhidmat di-mana2 Daerah dalam negeri Brunei.

**Gaji :**

Dalam sukatan gaji F1-2-3-4-5 EB. 6 — $306-312-319-325-332-338-344-351-357-363-370 - 376-383-389-395-402-408-414 - 427-440 /EB/453-465-478-491-504-516.

4. PEMANDU KERETA TINGKAT II:

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

a) Pemohon2 mesti-lah berumor antara 25 hingga 35 tahun. Mempunyai sekurang2-nya sa-tahun lisen memandu Kelas III yang sah dan tidak pernah di-dakwa kerana kesalahan memandu.

b) Keutamaan akan di-beri kapada pemandu2 bergaji hari yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan.

**Tugas2 :**

Chalon2 yang terpileh mesti-lah bersedia berkhidmat di-mana2 daerah dalam negeri Brunei.

**Gaji :**

Dalam sukatan gaji F. 2-3-4 EB. 5 — $332-338-344-351-357-363-370-376-383-389-395 - 402 - 408/EB/414-427-440.

5. PEMANDU MOTOR SANGKUT TINGKAT II :

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

Pemohon2 mesti-lah berumor antara 25 hingga 40 tahun, mereka mesti-lah terdiri dari pemandu2 motor-sangkut yang berpengalaman dan boleh membaiki kerosakan2 kechil injin2 motor-sangkut.

**Tugas2 :**

Chalon2 yang berjaya mesti-lah bersedia berkhidmat di-mana2 daerah dalam negeri Brunei.

Dalam sukatan gaji F. 2-3-4 EB. 5 — $332-338-344-351-357-363-370-376-383-389-395 - 402-408/EB/414-427-440.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 18hb Ogos, 1979.

(E/133/78 — Bil : 123/1979)

## TENDER NOTICE

**ELECTRICAL INSTALLATION FOR PROPOSED SEKOLAH MENENGAH SUNGAI KEBUN PHASE I**

TENDERS will be received by the Chairman of Brunei Tenders Board from Registered Electrical Contractors Class 'A' only up to 12.00 noon, 23rd July, 1979 for : —

ELECTRICAL INSTALLATION FOR PROPOSED SEKOLAH MENENGAH SUNGAI KEBUN PHASE I

Tender document can be obtained from the office of Messrs Brisma International Consultants, Room 15, Hong Kong Bank Chambers, Bandar Seri Begawan from 21st June 1979 onwards during normal office hours on payment of a Tender Deposit of B$500.00 which will be refundable to all unsuccessful tenderer upon the receipt of a bona fide tender and the return of all documents and drawings.

Tender must be submitted on the Tender Form provided and must reach the office of the Chairman, Brunei Tenders Board, Secretariat Building, Bandar Seri Begawan not later than 12.00 noon, 23rd July 1979. Tenders received after the stipulated time will be rejected.

Tenders shall be enclosed in a plain sealed enveloped marked:—"Tender for Electrical Installation for Proposed Sekolah Menengah Sungai Kebun Phase I".

The Government of Brunei is not bound to accept the lowest or any tender.

## KURSUS-KURSUS TEKNIKAL JABATAN PELAJARAN, BRUNEI

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa dari raayat Kebawah DYMM Sultan untok mengikuti kursus2 berikut di-Pusat Latehan Teknikal Brunei, Jalan Muara yang bermula pada 1hb September, 1979:—

**Kursus Penoh Masa (1 tahun)**

1. Mekanik Kereta (Vehicle Mechanics);
2. Pembaikan Badan Kereta (Vehicle body repair work).

**Kelayakan**

Pemohon2 mesti-lah telah menamatkan persekolahan sekurang2-nya Tingkatan II aliran Inggeris.

**Kursus Separoh Masa (2 tahun)**

Kursus Kerani (Clerical Course) —

Kursus ini akan di-adakan satu hari dalam sa-minggu.

Mata2 Pelajaran yang di-ajar ia-lah:—

Taip Menaip (Typewriting);

Amali Pejabat (Office Practice); dan

Bahasa Inggeris.

**Kelayakan**

Pemohon2 mesti-lah telah menamatkan persekolahan sekurang2-nya dalam Tingkatan V aliran Inggeris atau pengalaman sa-bagai kerani yang sesuai dan kebolehan bertutor dalam Bahasa Inggeris yang baik.

Pemilehan chalon2 berdasarkan ujian kelayakan dan temu-duga yang akan di-kendalikan oleh Pengetua, Pusat Latehan Teknikal Brunei.

Borang2 permohonan boleh di-dapati dari Pengetua, Pusat Latehan Teknikal Brunei P.O. Box 914, Bandar Seri Begawan, Brunei Pengetua2, Sekolah2 Menengah atau Jabatan Pelajaran.

Semua permohonan mesti-lah di-tujukan kapada Pengetua, Pusat Latehan Teknikal Brunei tidak lewat dari **10hb. Julai, 1979.**

## TENDER NOTICE

TENDERS are invited for the supply of the following Rattan Furniture to the Royal Brunei Malay Regiment, Berakas Camp.

| No. | Items | Qty | Delivery Time |
|---|---|---|---|
| a. | Settees Rattan Cane Without Cushions | 83 | November |
| b. | Chairs Easy Rattan Without Cushions | 164 | November |
| c. | Table Occasional Large Rattan Cane With White Formica Top | 111 | November |
| d. | Table Occasional Small Rattan Cane With White Formica Top | 190 | November |

2. The tender should state price. Enquires on specification can be made to DAQMG 2, Regimental Headquarters, Royal Brunei Malay Regiment, Berakas Camp.

3. Tenders will be received by the Chairman Tenders Board at the Office of the State Financial Officer, Bandar Seri Begawan at 12.00 p.m. Tuesday 10th July 1979.

4. Tender must be placed in a plain sealed envelope. There must be no indication on the envelope of the name of the tenderer. The envelope should be endorsed "SUPPLY OF RATTAN FURNITURE TO ROYAL BRUNEI MALAY REGIMENT'.

5. The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

## TENDER NOTICE

**KITCHEN EQUIPMENT FOR CIVILIAN CANTEEN AT FLOTILLA BASE (PHASE 2) MUARA**

TENDERS will be received by the Chairman, Tenders Board from registered Contractors Class 'A' only up to 12.00 noon, 16th July 1979 for:—

KITCHEN EQUIPMENT FOR CIVILIAN CANTEEN AT FLOTILLA BASE (PHASE 2) MUARA.

Tender document can be obtained from the office of Associated Consultants Private Limited, Room 27-29, Hong Kong Bank Chambers, Bandar Seri Begawan from 27th June 1979 onwards during normal office hours on payment of a Tender Deposit of B$500.00 which will be refundable to all unsuccessful tenderer upon the receipt of a bonafide tender and the return of all documents and drawings.

Tender must be submitted on the Tender Form provided and must reach the office of the Chairman, Brunei Tenders Board, Secretariat Building, Bandar Seri Begawan not later than 12.00 noon, 16th July 1979. Tenders received after the stipulated time will be rejected.

Tenders shall be enclosed in a plain sealed envelope marked : — "KITCHEN EQUIPMENT FOR CIVILIAN CANTEEN AT FLOTILLA BASE (PHASE 2) MUARA".

The Government of Brunei is not bound to accept the lowest or any tender.

## TENDER NOTICE

**SUPPLY, INSTALLATION and COMMISSIONING of ENGINE TEST PLANT for PROPOSED MISCELLANEOUS ADDITIONS AND ALTERATIONS TO FLOTILLA BASE, MUARA PHASE II.**

TENDERS will be received by the Chairman, Tenders Board from registered Contractors Class 'A' only up to 12.00 noon, 7th August 1979 for:—

SUPPLY, INSTALLATION and COMMISSIONING of ENGINE TEST PLANT for PROPOSED MISCELLANEOUS ADDITIONS AND ALTERATIONS TO FLOTILLA BASE, MUARA PHASE II.

Tender document can be obtained from the office of Messrs Associated Consultants Private Limited, Rooms 27-29, Hong Kong Bank Chambers, Bandar Seri Begawan from 27th June 1979 onwards during normal office hours on payment of a Tender Deposit of B$1,000.00 which will be refundable to all unsuccessful tenderer upon the receipt of a bonafide tender and the return of all documents and drawings.

Tender must be submitted on the Tender Form provided and must reach the office of the Chairman, Brunei Tenders Board, Secretariat Building, Bandar Seri Begawan not later than 12.00 noon, 7th August, 1979. Tenders received after the stipulated time will be rejected.

Tenders shall be enclosed in a plain sealed envelope marked — "TENDER FOR SUPPLY, INSTALLATION and COMMISSIONING of ENGINE TEST PLANT for PROPOSED MISCELLANEOUS ADDITIONS AND ALTERATIONS TO FLOTILLA BASE, MUARA, PHASE II."

The Government of Brunei is not bound to accept the lowest or any tender.

## Pembantu Makmal

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan kosong sa-bagai Pembantu Makmal di-Bahagian Sekolah2 Teknik dan Lateh Kerja, Jabatan Pelajaran, Brunei.

**Kelayakan2 :**

Tamat Tingkatan II dan lulus matapelajaran Sains dalam pepereksaan Sijil Rendah Pelajaran Brunei.

**Gaji :**

Dalam sukatan gaji D. 1-2-3 EB.4-5—$370-383-395-408-421-434 - 446-465-485-504-523-542 - 561-625-657-689-720-752 - 784/ EB / 854-880-905-931-956-982 - 1007-1046-1071-1097-1122.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 21hb Julai, 1979.

(E/541/76 — Bil : 112/1979)

## SUCCESSFUL TENDERS

1. PWD tender for Brunei Government Rice Project — disposal of felled trees by burning — Awang Tengah bin Hassip — $62,500.00 — 4 months.
2. PWD tender for repairs and repainting to Pehin Dato Jamil Primary School at Kampong Setia — Haji Yusof bin Haji Lamit — $13,400.00 — 40 days.
3. PWD tender for extension of 6" and 4" UPVC water mains from Layong to Kg Rambai — Circle Trading Co — $186,645.50 — 6 months.
4. RBMR tender for disinfestation and de ratting Offshore Squadron, 1st Flotilla — Messrs Borneo Pest Control Co Ltd.
5. Electrical tender for air conditioning installation, additions and modifications, RTB Old Building — Messrs Capital Air Cond & Engineering Co — $72,221.70 — 22 weeks.
6. Brisma International tender for air conditioning installation, Air Wing Berakas Camp — Borneo Air Conditioning & Eng Co — $470,153.00 — 32/36 weeks.
7. Leeng Consulting Engineers tender for fire protection system at the New General Hospital — Messrs Chubb (Singapore) Pte Ltd — $831,919.00.
8. Ho Kwong Yew tender for squash and tennis courts for RBMR Flotilla Base — tennis court surfacing — Mentiri Trading Co — $72,138.20.
9. Ho Kwong Yew tender for squash court wall plaster for the Flotilla Base — Unicorp Pte Ltd — $18,182.00.
10. Waston (SE Asia) tender for telephone Cable Duct Scheme — river crossings for cable ducts — Messrs Guma Pte Ltd — $114,172.00.
11. PWD tender for Staff housing for Place of Detention — Sharikat Pembangunan Negara $1,603,659.00 — 9 months.
12. RBMR tender for aircraft insurance — 13 helicopters and 2 Piper Cherokee — Messrs Mollers' (Insurance Brokers) Pte Ltd.
13. Akitek Bersatu tender for renovations to Radio Television building — Sharikat Pengiran Haji Omarali dan Anak2 — $365,664.60.
14. Preventive maintenance of air conditioning plant in Brunei Government buildings — "Borneo Air Cond & Eng Co, , for Airtemp equipment — $14,976.00 per month Messrs IAC Seria for Carrier equipment — $5,078.00 per month, Messrs Borneo Air Cond & Eng Co — $3,159.00 per month.
15. PWD tender for the construction of a twin 42 in diameter R.C. pipe culvert and ancillary works at BTTC access road — Kong Sien Shui Contractor — $84,400.00 — 4 months.
16. RBMR tender for the supply of ironing boards for a period of 1 year — Pan Asia Enterprises & Company — $19.70 each.
17. Agriculture Department tender for Barbed Wire — Overseas Agency Company Ltd — $35.28 per roll.
18. Customs & Excise Department tender for the supply of one unit Land Crusier Station Wagon — N.B.T. (Brunei) Ltd — $23,340.00.
19. Education Department tender for the suply of vehicles:
    - — 3 Units school buses (30 — 35 seaters) Happy Motoring Co — $56,200.00 each
    - — 2 Units Mini buses — Awang Damit and Company — $16,447.50 each.
    - — 1 Unit small lorry — N.B.T. (Brunei) Ltd — $10,000.00
    - — 2 Units tractors complete with grass-cutting machine — Champion Motors (Brunei) Ltd — $31,760.00.
20. Telecommunications Department tender for the supply of vehicles:
    - — 1 Unit 5 ton truck — Darus Salam Motor — $26,126.00.
    - — 5 Units 15 Cwt Pickup — Goh Kock Kee Motor — $53,520.00.
    - — 13 Units Light Vans — Sharikat Motor Tang Ching Ying — $107,250.00.
    - — 1 Unit 15 seat passenger vehicle — NBT (Brunei) Ltd — $15,575.00.
21. PWD tender for the construction of Malay School at Selangan, Temburong — Ha Tung Meu Const Co — $499,980. — 8 months.
22. PWD tender for improvement of drainage system and raising of padang in Bangar, Temburong — Haji Ya'akub bin Haji Tengah — $460.057.00 — 5 months.
23. PWD tender to reconstruct and modify old roofs of covered ways & shed at Arabic Girls School Raja Isteri Anak Damit, Jalan Tutong — Kwang Sang & Co — $63,728.00 — 5 months.
24. PWD tender for the construction of road base, drains and footpaths for proposed Terunjing Graveyards — Circle Trading Co — $166,010.00 — 5½ months.
25. Leeng Consulting Engineers tender for Pumps, pipes & metal strut framing installation — Paramount (B) Pte Ltd — $471,721.00.
26. District Office Belait tender for Purchase of Outboard engines — Ching Chuan Company — $8,900.00.



Y.T.M. Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Amal Nasibah.



Y.M. Pengiran Kamarulzaman.

# Istiadat Perkahwinan Diraja berlangsong 12hb Julai

BANDAR SERI BEGAWAN. — Istiadat Perkahwinan Diraja, di-antara Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Amal Nasibah binte Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Sir Muda Omar Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddin, DK., PHBS., dengan Yang Mulia Pengiran Kamarulzaman bin Pengiran Pekerma Setia Diraja Sahibul Bandar Pengiran Haji Ali, sa-orang jurutera di-Jabatan Kerja Raya, akan di-langsongkan di-Balai Singgahsana, Istana Darul Hana, di-sini, pada hari Khamis 12hb Julai, 1979 bersamaan dengan 16hb Sa'aban, 1399 jam 2.30 petang.

Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Amal Nasibah ia-lah adinda kapada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Sir Muda Hassanal Bolkiah Mu'izaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei.

Terdahulu dari itu, Istiadat Bersuroh, Istiadat Membuka Gendang Jaga-Jaga Istiadat Menjunjong Kornia Gendang Jaga-Jaga, Istiadat Berbedak Lulutan, Istiadat Menerima Tanda Diraja, telah di-langsongkan minggu lalu. Sementara Istiadat Menerima Pertunangan Diraja akan di-langsongkan di-Istana Darul Hana pada jam 2.30 petang ini.

Istiadat Berbedak Diraja pula akan di-langsongkan di-Balai Singgahsana, Istana Darul Hana, malam Sabtu 6hb Julai, 1979 dan di-rumah kediaman YAM Pengiran Pekerma Setia Diraja Sahibul Bandar Pengiran Haji Ali.

Pada 9hb Julai, 1979 bersamaan 13hb Sa'aban, 1399 jam 2.30 petang; Istiadat 'Akad Nikah Diraja, di-Masjid Omar Ali Saifuddin di-sini. Sementara Istiadat Berinai Diraja akan di-langsongkan di-Balai Singgahsana, Istana Darul Hana dan di-rumah YAM Pengiran Pekerma Setia Diraja Sahibul Bandar Pengiran Haji Ali, pada 11hb Julai, 1979 mulai jam 7.15 malam.

Istiadat Pengantin Diraja Muleh Tiga Hari dari Istana Darul Hana, ka-rumah kediaman YAM Pengiran Pekerma Setia Diraja Sahibul Bandar Pengiran Haji Ali, Kampong Mabohai, Bandar Seri Begawan dan balek ka-Istana Darul Hana, jam 7.30 malam.

Pada 18hb Julai, 1979 jam 7.30 malam; Majlis Persantapan Diraja, di-Taman Istana Darul Hana dan ke-esokan-nya (19hb Julai, 1979) jam 10.00 pagi istiadat Menutop Gendang Jaga-Jaga dan Membacha Do'a Selamat di-rumah YAM Pengiran Pekerma Setia Diraja Sahibul Bandar Pengiran Haji Ali dan pada sebelah petang-nya jam 2.00, Istiadat Menutop Gendang Jaga-Jaga dan Membacha Do'a Selamat di-Balai Persantapan Diraja, Istana Darul Hana.

Dari muka 1

supaya sharikat Shell melateh dan memberikan lebeh banyak pekerjaan kapada anak2 negeri.

Sa-lepas pengistiharan TENAGA, Baginda Yang Dipertuan telah di-persembahkan dengan sa-buah model perak tender penggalian tersebut.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia dengan di-iringi oleh Pengarah Urusan Shell telah di-junjong melawat ka-beberapa bahagian tender tersebut.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Sir Muda Omar Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddin dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohd Bolkiah juga berangkat ka-upachara tersebut.

Hadhir sama di-upachara pada hari itu termasok-lah Tuan Yang Terutama Pesurohjaya Tinggi British di-Brunei, Awang Arthur Watson; Penasehat Umom Kebawah DYMM, Yang Teramat Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Awang Isa dan lain2 pembesar2 negara.

Dari muka 1

"Mudah-mudahan semangat dan perasaan umat Islam di-seluroh Negeri Brunei ini Insha Allah dan dengan izin Allah akan tetap di-hidupkan dan sentiasa bersambong antara satu keturunan dengan keturunan yang akan datang di-dalam Negeri kita Brunei yang kita kasehi ini", titah Baginda.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia seterus-nya mengingatkan dalam beberapa tahun yang akan datang negeri kita akan menempoh masa2 yang memerlukan kerjasama dan bersatu-padu bagi membangun negara dan menjadikan negeri ini sa-buah negara aman makmor yang di-redhai oleh Allah s.w.t.

Untok itu, Baginda mengingatkan supaya raayat sentiasa berwaspada dan berusaha dengan perasaan takwa dan beriman pada mendapatkan perlindongan Allah s.w.t.

Menyentoh thema pertandingan tahun ini Baginda mensifatkan ia-nya sa-bagai suatu peringatan terutama kapada mereka yang di-pertanggongjawabkan tugas pentadbiran dan kemajuan negara supaya sentiasa menjalankan tugas2 tersebut sesuai dengan hukum2 Allah.

Tanpa berpandukan hukum2 tersebut titah Baginda, sa-seorang itu tidak akan dapat mengenal antara kebaikan dan kesalahan yang kemudian-nya memudahkan ia-nya terdedah kapada berbagaibagai kesulitan.

# UPACHARA MELETAK BATU ASAS

Dari muka 1

Sa-jurus sa-belum bersabda dan meletakkan batu asas rumah sakit berkenaan, YB. Pehin Orang Kaya Tabib Laila Diraja Dato Paduka Seri Laila Jasa Dr. P.I. Franks turut memberi uchapan alu-aluan-nya.

Rumah Sakit Raja Isteri Anak Saleha yang di-ranchang boleh menampong kira2 500 buah katil pesakit juga akan di-lengkapkan dengan berbagai kemudahan perubatan dan rawatan saperti makmal X-Ray, bilek pembedahan serta tiga buah bangunan wad rawatan yang besar yang di-hubongkan terus dengan menara tengah yang mempunyai lif.

Kerja2 pembenaan rumah sakit tersebut telah di-mulakan sejak Disember tahun lalu dengan kekuatan 1,200 tiang konkret berukoran 60 kaki panjang sa-bagai pail untok menjamin kekukohan dudok bahagian bawah bangunan empat tingkat itu.

Tawaran untok membena di-bahagian atas projek tersebut telah di-berikan kapada Sharikat Pembenaan Hong Lee pada akhir Nobember, 1978. Walau-pun bahagian luar bangunan itu di-jangka chepat siap, namun bahagian dalam yang mengandongi pemasangan2 sulit akan mengambil masa untok siap sa-hingga bulan April, 1982 nanti.

Di-samping mengandongi berbagai kemudahan bangunan rawatan dan perubatan, rumah sakit tersebut juga akan mengandongi bangunan sekolah jururawat untok melateh jururawat2 yang akan di-ambil berkhidmat dengan rumah sakit berkenaan.

Pembenaan bangunan sekolah jururawat itu telah pun di-mulakan pada bulan Mach lepas dan di-jangka siap menjelang tahun depan. Asrama sekolah dan bangunan2 tempat tinggal jururawat terlateh akan juga di-bangunkan di-kawasan tersebut.

Susunan bagi pembenaan kompleks ria yang telah di-perkenankan oleh DYMM Paduka Seri Baginda Sultan baru2 ini ada-lah maseh dalam ranchangan yang merupakan beberapa kemudahan yang akan di-sediakan di-samping dua gelanggang tenis, tiga gelanggang badminton, gelanggang skuash dan kolam renang.

Rumah Sakit Raja Isteri Anak Saleha telah juga di-ranchang dengan kemudahan mendarat helikopter dan tambatan yang boleh menampong lebeh 30 buah perahu di-kawasan sa-luas 68 ekar.

Antara pembesar2 negara yang turut hadhir di-istiadat meletakkan batu asas itu termasok-lah YAM Cheteria2, Ahli2 Yang Berhormat, pegawai2 kanan kerajaan dan swasta.



Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pengiran Abdul Momin meletakkan batu asas bagi Rumah Sakit Raja Isteri Anak Saleha pada hari Khamis lalu.

# Kerajaan telah mendirikan Pusat2 Pengajian

BANDAR SERI BEGAWAN. — Peguam Negara, Yang Amat Mulia Pengiran Laila Kanun Diraja Pengiran Bahrin bin Pengiran Haji Abbas menegaskan bahawa Kerajaan Duli Yang Maha Mulia telah menumpukan usaha2 mendirikan pusat2 pengajian dan beberapa buah institusi latehan vokeshenal dan pra-universiti demi untok mensesuaikan sistem pelajaran di-negeri ini.



Y.A.M. Pengiran Laila Kanun Diraja Pg Bahrin

Sabda Yang Amat Mulia itu, kerajaan telah juga bersedia memberikan dermasiswa2 kapada penuntut2 untok melanjutkan pelajaran yang lebeh tinggi di-seberang laut.

Bersabda sa-belum merasmikan pembukaan Hari Pelajar bagi Sekolah2 Rendah dan Menengah Negeri Brunei yang di-langsongkan di-Dewan Raya RTB di-sini pada hari Ahad lalu, Yang Amat Mulia seterus-nya menegaskan kapada para ibu-bapa supaya mereka harus-lah bershukor atas usaha kerajaan dan bertanggong-jawab pada menyahut chita2 kerajaan itu.

Menyebut tentang thema Hari Pelajar tahun ini, 'PENDIDEKAN KANAK2 ASAS KEMAJUAN NEGARA', Yang Amat Mulia Pengiran Laila Kanun Diraja berpendapat ia-nya sangat sesuai memandangkan Brunei tidak beberapa lama lagi akan menchapai taraf-nya sa-bagai sa-buah negara berdaulat yang merdeka penoh di-luar dan di-dalam negeri.

Perkembangan ini, sabda Yang Amat Mulia, tidak shak lagi memerlukan sistem pelajaran demi untok menghasilkan tenaga2 mahir yang terdiri dari anak2 tempatan bagi persiapan menikmati kemerdekaan itu sa-chara berdikari.

"Walau bagaimana pun buat masa ini dan beberapa tahun yang akan datang Negeri Brunei terpaksa memerlukan pakar2 dan tenaga yang mahir yang di-datangkan dari luar negeri", jelas Yang Amat Mulia.

Kita di-negeri ini, sabda Yang Amat Mulia, mempunyai bilangan pendudok yang berumor 20 tahun ka-bawah ada-lah sangat berbangga kerana boleh di-katakan masa depan anak2 kita ada-lah penoh dengan peluang ke-emasan.

Oleh itu, Yang Amat Mulia Pengiran Laila Kanun Diraja menyeru kapada kanak2 yang maseh di-bangku sekolah supaya jangan melepaskan peluang ini demi untok mendapatkan pelajaran yang sesuai bagi membolehkan mendapat pekerjaan untok menjamin kehidupan.

Yang Amat Mulia menambah sabda, yang sambutan Hari Pelajar pada tahun ini yang di-lancharkan Sempena Tahun Antarabangsa Kanak2 Sa-Dunia ada-lah bertujuan tiap2 negara akan dapat berusaha demi untok menjamin kehidupan kanak2.

Terdahulu dari itu, Yang Amat Mulia Pengiran Laila Kanun Diraja telah menjelaskan bahawa Hari Pelajar ada-lah merupakan hari menyatupadukan di-antara guru2, murid dan ibu-bapa, di-samping memberi peluang kapada ibu-bapa untok menilai dan memerhatikan kemajuan pelajaran anak2 mereka.

Sa-belum upachara perasmian itu di-jalankan Yang Amat Mulia Pengiran Laila Kanun Diraja telah menerima tabek kehormatan dan memereksa perbarisan dari Pasokan Kadet Polis Diraja Brunei dan Pasokan Kadet AMDB dengan iringan lagu Hari Pelajar dari Pasokan Pencharagam Sekolah Menengah SMJA di-luar bangunan RTB.

Berbagai persembahan telah di-adakan di-upachara perasmian itu termasok-lah persembahan Hadhrah Sekolah Rendah Pengiran Anak Puteri Besar dan tiupan seruling dari S.R. Dato Ahmad serta persembahan tarian Asli dari Pusat Tingkatan Enam dan Sekolah Menengah Chung Hwa.

Turut beruchap di-majlis tersebut ia-lah Pengarah Pelajaran, Awang Haji Ahmad bin Haji Jumat.

Ahli2 Yang Berhormat, Pegawai2 Kanan Kerajaan serta ibu-bapa penuntut telah hadhir di-majlis tersebut.

# Berkursus ka-S'pura

BANDAR SERI BEGAWAN. — Tiga orang guru dari Jabatan Pelajaran Brunei, telah berlepas ka-Singapura pada Ahad lalu untok mengikuti kursus sa-lama tiga bulan. Sa-lama berkursus mereka akan di-tempatkan di-Kementerian Pelajaran.

Che'gu Sulaiman bin Ahmad dari Sekolah Persediaan Inggeris, Tutong; Che'gu Surhan bin Haji Hashim dari Sekolah Persediaan Inggeris Berakas dan Che'gu Mohd Ade Hirny Abdullah dari Maktab Anthony Abell, Seria, merupakan penghantaran kedua pendidekan jasmani berkursus ka-Singapura. Penghantaran pertama ia-lah dua orang Pegawai Jabatan Pelajaran Bahagian Pendidekan Jasmani, ia-itu Awang Tuah bin Nordin dan Awang Suhaili bin Lani mengikuti kursus Pentadbiran Pendidekan Jasmani.

DI-TERBITKAN OLEH BAHAGIAN PENERANGAN, JABATAN SETIA USAHA KERAJAAN DAN DI-CHETAK OLEH JABATAN PERCHETAKAN KERAJAAN BRUNEI.